

Jilid I
Bil. 85



Hari Rabu
9hb November, 1983

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEENAM
Sixth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 12029]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1984

Jawatankuasa—

Jadual:

Maksud B. 1 hingga B. 15 [Ruangan 12063]

USUL:

Anggaran Pembangunan, 1984

Jawatankuasa—

Maksud P. 7 hingga P. 9 [Ruangan 12063]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEENAM

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Panti).

Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR NEO YEE PAN, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).

„ Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungei Siput).

„ Menteri Luar Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

„ Menteri Kebajikan Masyarakat, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Ulu Kelantan).

„ Menteri Pengangkutan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).

„ Menteri Pertanian, DATO' ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

- Yang Berhormat Menteri Pelajaran, DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).
- „ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Menteri Buruh, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Menteri Penerangan, DATUK SERI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ Menteri merangkap Duta Besar Malaysia ke Indonesia, DATO MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- „ Menteri Kesihatan, DATO CHIN HON NGIAN, D.S.I.J. (Rengam).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Tuan Anwar bin Haji Ibrahim (Permatang Pauh).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR JAMES P. ONGKILI, S.P.D.K., D.I.M.P. (Tuaran).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, DATO' DR NIK HUSSAIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATO' ABU HASSAN BIN OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN, P.G.D.K., A.S.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO' HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).

Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).

„ Timbalan Menteri Pertahanan, ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, J.M.N. (Paloh).

„ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).

„ Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).

„ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).

„ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SAHRIFFAH DORA BINTI SYED MOHAMED, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).

„ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S. (Pagoh).

„ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SUBRAMANIAM (Segamat).

„ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO DR TAN TIONG HONG, D.S.A.P. (Raub).

„ Timbalan Menteri Penerangan, PUAN HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Selayang).

„ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' MOHAMED KHALIL YAAKOB, D.S.A.P., J.S.M. (Maran).

„ Timbalan Menteri Kewangan, DATO SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P. (Temerloh).

„ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSI AH BINTI OMAR (Kuala Pilah).

„ Timbalan Menteri Luar Negeri, TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Baru).

„ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN RADZI BIN SHEIKH AHMAD (Kangar).

„ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Ulu Selangor).

„ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN OO GIN SUN, S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor setar).

„ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN AHMAD SHAH BIN DATUK HUSSEIN TAMBAKAU (Keningau).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikie).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos,
TUAN AU HOW CHEONG, A.M.P. (Telok Anson).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan
Kemajuan Wilayah, TUAN ZAINAL ABIDIN BIN ZIN (Bagan
Serai).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan
Luar Bandar, TUAN MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI,
A.M.P. (Gerik).
- .. Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, TUAN AWANG
BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan
Sukan, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD (Sri Gading).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN YEOH POH
SAN (Petaling).
- .. TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).
- .. TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- .. TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K., A.S.D.K.
(Kinabatangan).
- .. DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).
- .. TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, A.M.N., S.M.P.
(Kuantan).
- .. TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- .. DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A.,
S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- .. DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota
Setar).
- .. TUAN HAJI AFFANDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS
(Marudu).
- .. TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS, P.P.T. (Parit).
- .. DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG, P.N.B.S., K.M.N. (Betong).
- .. TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Terengganu).
- .. TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).
- .. TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P.
(Batang Padang).
- .. TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).
- .. TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).
- .. DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).
- .. TUAN CHAN KOK KIT (Sungai Besi).
- .. DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beruas).

Yang Berhormat TUAN PETER CHIN GAN OON, P.M.P. (Ipoh).

.. DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).

.. TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).

.. TUAN DAUD BIN DATO HAJI TAHA (Batu Pahat).

.. TUAN HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD (Tumpat).

.. TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).

.. DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).

.. TUAN FUNG KET WING (Sandakan).

.. TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).

.. TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).

.. TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).

.. DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).

.. TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED, K.M.N., A.M.N. (Rantau Panjang).

.. TUAN HASSAN BIN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut).

.. DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).

.. TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).

.. TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).

.. TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).

.. DATO JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).

.. TUAN JUSTINE ANAK JINGGUT (Ulu Rajang).

.. DATO SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).

.. TUAN KAN YAU FA, A.S.D.K. (Tawau).

.. TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).

.. TUAN KHADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).

.. TUAN MARK KODING (Kinabalu).

.. DR KOH TSU KOON (Tanjong).

.. DATO LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).

.. TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).

.. DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).

.. DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., P.B.S. (Kapit).

Yang Berhormat DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).

.. TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).

.. TUAN LIM LIANG SENG, P.P.T. (Kinta).

.. TUAN LING SIE MING (Sibu).

.. TUAN MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN, S.M.T., P.J.K. (Ulu Nerus).

.. TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB (Hilir Perak).

.. DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).

.. TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Pekan).

.. TUAN MOHAMED RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID, P.P.N., P.P.T. (Matang).

.. DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).

.. TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASRI (Setapak).

.. TUAN MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG, A.S.D.K. (Kota Belud).

.. TUAN MOHAMMED YUSSOF BIN HAJI YAKOB (Hilir Padas).

.. TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).

.. TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN, A.M.N., P.P.N., P.I.S. (Pontian).

.. TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).

.. TUAN NG CHENG KUAI (Lumut).

.. DATO' HAJI NGAH BIN HAJI ABDUL RAHMAN, S.P.M.J., S.S.I.J., P.I.S., B.S.I., A.M.N., J.P. (Ledang).

.. TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).

.. TUAN OMAR BIN ABDULLAH (Tampin).

.. TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Ulu Muda).

.. DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Kimanis).

.. TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).

.. TUAN QUAH WEE LIAM, P.I.S., B.S.I. (Kluang).

.. TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).

.. DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Padang Rengas).

.. TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).

.. TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON, A.M.N., P.P.N., B.K.M. (Baling).

Yang Berhormat TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., P.K.T., J.P.
(Balik Pulau).

.. TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).

.. TAN SRI DATO' SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M.,
S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).

.. TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Damansara).

.. TUAN TAN KOK HOOI (Padang Serai).

.. DR TAN SENG GIAW (Kepong).

.. TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).

.. TUAN TING LING KIEW (Bintulu).

.. WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).

.. WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasir Mas).

.. WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).

.. WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).

.. TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA, P.P.T. (Bagan Datok).

.. TUAN YEW FOO WENG (Menglembu).

.. DATIN PADUKA ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N.
(Tanjong Karang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya Manap.

Penyunting: P. B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Rabu, 9hb November, 1983

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang.

DOA

Tuan Yang di-Pertua *mem-*
pengerusikan Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

PASARAN BARANGAN INDUSTRI
MALAYSIA—PERLINDUNGAN
NEGARA MAJU

1. Datuk Haji Saidin bin Haji Mat Piah minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) adakah benar pihak Kerajaan bersetuju bahawa Dasar Perlindungan Perdagangan yang diamalkan oleh negara-negara maju itu merupakan suatu penghalang yang besar kepada pertumbuhan eksport barang-barang buatan industri Malaysia dan seterusnya akan memberi kesan ke atas pertumbuhan ekonomi negara pada keseluruhannya; jika benar apakah langkah jalan keluar yang lebih membina lagi berkesan bagi mengatasinya; dan
- (b) di samping berusaha mengatasi sikap diskriminasi negara-negara maju itu, adakah Kerajaan akan terus berusaha memperluaskan pasaran barang-barang dagangan buatan Malaysia di kawasan ASEAN atau di dalam negeri. Jika ya,

apakah langkah-langkah positif yang telah, sedang dan akan dilaksanakan oleh Kerajaan.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin): Tuan Yang Dipertua, memang benar pendapat Ahli Yang Berhormat bahawa dasar perlindungan (protectionism) yang diamalkan oleh negara-negara maju telah memberi kesan negatif kepada pertumbuhan eksport barang-barang buatan industri Malaysia.

Dalam hubungan ini, Kerajaan telah mengambil langkah-langkah bagi mengatasi masalah tersebut dengan meminta negara-negara maju membuka pasaran mereka dan menghentikan amalan perlindungan dan menghapuskan halangan dagangan sama ada berbentuk tarif ataupun bukan tarif. Negara-negara maju juga diminta memberi layanan keutamaan terhadap eksport daripada negara-negara membangun.

Usul-usul ini telah ditimbulkan di dalam Persidangan Antarabangsa tertentu seperti Persidangan Bangsa-bangsa Bersatu Mengenai Perdagangan dan Pembangunan (United Nations Conference on Trade and Development—UNCTAD dan juga General Agreement on Tariff and Trade (GATT).

Malaysia telah juga mengambil langkah menimbulkan usul yang serupa secara serantau di peringkat ASEAN apabila dialog dengan negara-negara maju berkenaan diadakan. Di samping itu, Malaysia telah juga menimbulkan secara hubungan dua

hala dengan para pemimpin negara-negara maju apabila mereka melawat Malaysia ataupun sebaliknya ketika para pemimpin Malaysia melawat negara-negara maju.

Hasil-hasil yang telah dicapai melalui tindakan di atas ialah:

- (i) Di dalam resolusi mengenai perdagangan antarabangsa, UNCTAD VI di Belgrade pada bulan Jun, 1983 negara-negara maju telah memberikan komitmen untuk memberhentikan (halt protectionism) terhadap eksport daripada negara-negara membangun yang memasuki pasaran mereka. Melalui resolusi ini akan membuka peluang bagi negara-negara membangun termasuk Malaysia menambah eksport mereka ke pasaran negara-negara maju.
- (ii) Negara-negara maju telah juga bersetuju menubuhkan Sistem Keutamaan Am (Generalised System of Preferences) melalui perundingan di bawah UNCTAD. Barangan Malaysia yang termasuk di dalam Skim GSP ini telah tidak dikenakan duti atau dikenakan duti yang lebih rendah daripada kadar duti biasa. Antara barangan eksport utama Malaysia di bawah skim ini ialah minyak kelapa sawit, barang-barang elektronik, kayu bergergaji dan papan lapis, tekstil dan pakaian, barang-barang getah, barang makanan berproses dan barang-barang hasil koko. Pada tahun 1981 nilai eksport Malaysia di bawah Skim ini berjumlah \$2,339.06 juta berbanding dengan \$2,402.06 juta pada tahun 1981.

Ingin juga dinyatakan di sini bahawa Malaysia telah juga mengambil daya usaha meningkatkan kerjasama

ekonomi dan perdagangan dengan negara-negara membangun yang lain seperti negara-negara ASEAN, Pulau-pulau di Pasifik Selatan, negara-negara Asia Barat dan Amerika Selatan. Melalui langkah-langkah ini, Malaysia berharap akan dapat meluaskan pasaran barang-barangnya khususnya di negara-negara ASEAN dan tidak sahaja bergantung kepada pasaran tradisional di negara-negara maju.

Berkenaan soalan kedua, ya. Kerajaan sememangnya akan terus berusaha memperluaskan pasaran barang-barang buatan Malaysia ke negara-negara ASEAN di samping memenuhi permintaan di dalam negeri.

Keadaan perdagangan Malaysia dengan negara-negara ASEAN telah berkembang dengan pesatnya dan kadar perkembangannya adalah lebih pesat berbanding dengan perdagangan Malaysia dengan negara-negara lain di dunia.

Di dalam usaha untuk memperluaskan dan mempertingkatkan perperdagangan antara negara-negara ASEAN, Malaysia telah pun bersama-sama dengan negara-negara anggota yang lain bersetuju mengujjudkan Skim Paraturan Perdagangan Istimewa ASEAN (ASEAN Preferential Trading Arrangement) pada 24hb Februari, 1977 dan mula berkuatkuasa pada 1hb Januari, 1978. Skim ini memberi beberapa kemudahan kepada pengeksport-pengeksport ASEAN dalam bentuk kontrak jangka panjang, pembiayaan belian yang disokong dengan kadar faedah istimewa, keutamaan dalam pembelian oleh badan-badan kerajaan, potongan kadar tarif dan pengurangan halangan bukan tarif. Skim ini telah berjaya membantu meningkatkan lagi eksport Malaysia ke negara-negara ASEAN yang lain.

Seterusnya Kerajaan bersama-sama dengan anggota-anggota ASEAN yang lain sedang berusaha untuk mengenalpasti sekatan-sekatan bukan tarif dengan tujuan untuk mengurangkan lagi sekatan-sekatan tersebut dan membebaskan lagi pasaran di negara-negara ASEAN.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian apakah negara kita Malaysia dan juga negara-negara ASEAN yang lain akan bersetuju untuk mengadakan juga dasar di perlindungan perdagangan bagi negara-negara ASEAN ini supaya bahan-bahan atau barangan-barangan yang diperlukan oleh negara-negara maju tersebut dapat kita menjaga kepentingan kita dari segi harga, dari segi perlindungan sebagai negara-negara yang mengeluarkan bahan-bahan yang dikehendaki itu?

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Tuan Yang Dipertua, di mana difikirkan perlu dan untuk menjaga serta mengawal kedudukan pertumbuhan industri tempatan, memang ada dikenakan kadar duti pada barang-barang yang diimport daripada luar negeri bagi menjamin pasaran barang-barang yang dikeluarkan di dalam negara kita, tetapi tujuannya bukanlah untuk semata-mata melindungi tetapi ialah untuk menentukan supaya dalam hal ini keutamaan patut diberikan kepada barang-barang yang dibuat oleh negara kita sendiri. Jadi tidaklah timbul soal 'tit for tat', dengan izin, di atas dasar perlindungan yang diamalkan oleh negara kita.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang Dipertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyatakan bahawa Kerajaan Malaysia ada mengambil langkah untuk mencari dan

memperluaskan pasaran barang-barang dagangan buatan Malaysia bukan sahaja di antara negara-negara ASEAN tetapi juga dengan negara-negara lain.

Di sini saya bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian beliau untuk mencari pasaran di rantau Pacific khususnya di kawasan Pasific Selatan supaya barang-barang dagangan buatan Malaysia dapat diberi sambutan.

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Tuan Yang Dipertua, usaha-usaha positif telah pun diambil untuk menggalakkan pengeksporan barang-barang buatan Malaysia ke negara-negara kepulauan Pacific ataupun negara-negara Selatan dan tindakan telah pun diambil pertamanya di dalam lawatan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita sendiri perkara serupa ini telah pun dibangkitkan dengan pemimpin negara-negara tersebut.

Keduanya, sebagai langkah positif pihak kita telah pun menubuhkan pajabat Pesuruhjaya di kepulauan Pacific di mana, di antara lain, mereka itu akan menekankan juga aspek perdagangan dua hala dan inginlah saya sebutkan di sini umpamanya kita telah pun menubuhkan kedutaan kita di Suva, Fiji dan langkah-langkah selanjutnya untuk mengadakan wakil-wakil perdagangan akan kita timbangkan sekiranya perlu.

Tuan Ismail bin Said: Sebentar tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan telah menyatakan hasil-hasil daripada langkah-langkah di peringkat antarabangsa bagi megatasi dasar perlindungan perdagangan yang dibuat oleh negara-negara membangun.

Saya ingin tahu sama ada Yang Berhormat Timbalan Menteri berpuashati dengan hasil-hasil yang dicapai setakat ini dan adakah langkah-langkah yang diambil di peringkat antarabangsa setakat ini negara kita benar-benar menaruh harapan terutama sekali apabila memandangkan kegagalan Persidangan UNCTAD yang ke 6 di Belgrade pada bulan Jun, 1983 baru-baru ini.

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Tuan Yang Dipertua, saya fikir kita masih lagi belum berpuashati kerana walaupun telah banyak resolusi-resolusi dibuat di persidangan antarabangsa seperti di UNCTAD baru-baru ini dan sebelum itu pun dan juga di peringkat GATT kebanyakan daripada resolusi-resolusi itu hanya tinggal resolusi sahaja dan masih lagi belum dilaksanakan.

Walaupun begitu, sebagaimana yang disebutkan tadi kita sentiasa berusaha di peringkat persidangan antarabangsa, di forum-forum antarabangsa menekankan tentang perlunya pihak negara-negara maju dan membangun memberikan perhatian dengan membuka pasaran yang lebih luas sedikit kepada hasil-hasil yang dikeluarkan oleh negara-negara yang sedang membangun.

Saya fikir kalau dialog ini dibuat berterus-terusan dan di peringkat tertinggi pun dibawa perkara ini dengan negara-negara yang berkenaan secara hubungan dua hala maka kesannya akan lebih dapat kita lihat pada tahun-tahun hadapan. Sebab itulah kita mempunyai lebih keyakinan sekarang ini untuk menentukan hasil pasaran yang lebih luas, perubahan dasar kita ialah menekankan perhubungan dua hala di antara negara kita dengan negara-negara yang berkenaan kerana kita berfikir dengan cara ini sahajalah mungkin dapat kita mengatasi halangan-halangan (barriers) yang walaupun sudah

diputusan di peringkat persidangan antarabangsa tetapi tidak lagi dilaksanakan resolusi-resolusi tersebut.

Tuan Peter Chin Gan Oon: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya mahu bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada pihak Kerajaan boleh mengatasi dasar perlindungan negara-negara maju dengan mensyaratkan kerja-kerja yang diberikan kepada negara-negara maju seperti Jepun mesti menerima barangan kita sama nilai dengan pembayaran kerja yang dibuat.

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Tuan Yang Dipertua, memang ada usaha yang kita buat dari segi menggunakan kontrak sebagai leverage tetapi ini sebenarnya tidak begitu berkesan kerana sebagaimana yang saya sebut tadi pihak negara-negara yang membangun, syarikat-syarikat di negara-negara yang membangun umpamanya tidak begitu bersetuju dengan cadangan begitu. Umpamanya sebagaimana Yang Berhormat kata tadi kalau kita bahagikan kontrak kepada sebuah syarikat untuk membuat jambatan maka kita kenakan syarat supaya negara itu membeli barangan daripada kita. Walaupun usaha ini ada dibuatkan tetapi saya tidak percaya ianya berkesan pada jangka panjangnya. Jadi, akhirnya usaha yang patut kita lakukan ialah untuk menentukan pada hubungan dua hala tadi dapat dipersetujui di peringkat tertinggi bukan di peringkat kontrak-kontrak yang dibekalkan oleh Kerajaan semata-mata.

Tuan Gooi Hock Seng: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Mengenai langkah-langkah yang diambil oleh Malaysia dan negara-negara ASEAN untuk menghadapi masalah dasar perlindungan perdagangan oleh negara-negara, maju sejauh manakah usaha-usaha tersebut telah berjaya dan

berkesan. Jika tidak, adakah ini disebabkan kurangnya kerjasama antara ASEAN seperti yang dinyatakan oleh Menteri Luar Negeri kelmarin bahawa kepentingan politik dan ekonomi sendiri masih mempengaruhi negara-negara ASEAN.

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd.

Yassin: Tuan Yang Dipertua, saya fikir Yang Berhormat itu mungkin kurang memahami bahawa konsep penubuhan ASEAN ialah menekankan tentang kerjasama dalam segala bidang terutama dalam bidang ekonomi dan kalau hendak dihuraikan satu persatu boleh dapat dibuktikan bahawa perhubungan di antara negara-negara ASEAN itu sebenarnya telah membuahkan hasil-hasil yang memberi manfaat yang lebih kepada negara kita dan juga anggota-anggota lain di dalam ASEAN.

Jadi, saya tidaklah bersetuju apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi bahawa kita tidak mendapat faedah ataupun tidak berhasil usaha-usaha yang kita jalankan kerana saya telah terangkan tadi umpamanya di bawah Skim Peraturan Perdagangan Istimewa ASEAN jumlah barangan yang telah pun dimasukkan di bawah skim ini sekian hendak menambah dan ini membuka peluang-peluang yang lebih kepada barang-barang kita yang dahulunya tidak dimasukkan dalam skim itu untuk dipasarkan dengan cara yang mudah ke negara-negara ASEAN.

Dengan sebab itu saya percayalah langkah-langkah yang sudahpun dilakukan ini akan dipertingkatkan lagi dan banyak usaha-usaha lain yang akan dijalankan untuk memberikan faedah yang lebih kepada negara kita.

Tuan Yew Foo Weng: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri selain daripada

rundingan sedunia (global negotiation) adakah Malaysia mengadakan rundingan bilateral dengan negara maju dan negara lain dan adakah hasil daripada rundingan ialah perjanjian yang tertentu dan kalau ada perjanjian tertentu apakah ciri-ciri perjanjian dan bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan hasil daripada perjanjian tertentu itu.

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd.

Yassin: Tuan Yang Dipertua, soalan ini maha luas, kalau hendak dijelaskan satu persatu mungkin memerlukan satu soalan asing tetapi saya ingin menjelaskan bahawa memang sebagaimana yang disebutkan tadi fokus kita dalam hendak meningkatkan pasaran barangan kita ialah mengadakan perundingan dua hala dan kita gunakan juga forum ASEAN umpamanya pada Perundingan ASEAN-EEC, ASEAN-AMERIKA, ASEAN-JEPUN, ASEAN-AUSTRALIA sebagai satu cara yang kita anggap lebih berkesan daripada multilateral ataupun global negotiation dan oleh sebab itu memanglah menjadi satu perhatian utama yang sedang pun kita lakukan sekarang ini dalam peringkat perundingan dengan negara-negara yang berkenaan.

Saya suka juga menjelaskan bahawa kita telah pun banyak mengadakan perjanjian perdagangan (trade agreement) di antara Malaysia ataupun Memorandum of Understanding berhubung dengan perdagangan di antara kebanyakan negara-negara maju dan juga negara-negara sedang membangun dan saya tidak dapat hendak menyebut di sini ciri-ciri terpenting yang terkandung dalam perjanjian itu tetapi antara lain ialah supaya perhubungan antara kita dengan negara-negara yang berkenaan dari mana kita mengadakan perjanjian itu dapat memberi peluang yang lebih kepada barangan-barangan yang

dikeluarkan sekatan-sekatan yang biasa dikenakan kepada negara-negara yang lain dan ini sedikit sebanyak telah pun memberikan kesan yang positif terhadap usaha kita untuk meningkatkan hasil eksport kita ke luar negeri.

Datuk Haji Saidin bin Haji Mat Piah: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menerangkan berbagai-bagai cara-cara telah dibuat bagi hendak memesatkan lagi untuk pemasaran atau menawarkan barang-barang dagangan kita. Jadi saya ingin bertanya di dalam usaha memperluaskan pemasaran barang-barang dagangan di negara-negara ASEAN dan lain negara membangun, adakah kita khususnya dan amnya negara-negara ASEAN mempunyai keupayaan dari segi pengangkutan dan adakah di dalam skim peraturan perdagangan istimewa ASEAN ini mengambil kira tentang masalah pengangkutan bagi negara-negara ASEAN kerana ini merupakan satu faktor yang dapat membantut usaha dan meluaskan barang dagangan kita kalau tidak ada mempunyai keupayaan yang cukup. Jadi kalau ada, bolehkah beri contoh-contoh?

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yasin: Tuan Yang Dipertua, memanglah benar apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi bahawa salah satu daripada perkara yang menjadi persoalan dalam meningkatkan perdagangan kita bukan sahaja dengan negara-negara lain tetapi dalam kalangan ASEAN pun ialah soal kemudahan pengangkutan. Dan ini merupakan salah satu daripada agenda-agenda yang terpenting yang dibincangkan di peringkat Menteri-menteri Ekonomi ASEAN di Bangkok dan juga di dalam perbincangan-perbincangan yang lain yang telah pun kita adakan dari masa ke semasa. Oleh sebab itu anggota-anggota negara

ASEAN sekarang ini telah pun mengambil perhatian. Pertamanya untuk kita meningkatkan kuasa untuk negotiate, berunding dengan pengusaha-pengusaha kapal yang luar daripada kalangan ASEAN supaya memberikan pertimbangan yang lebih baik kepada barang-barang yang dieksport oleh negara kita ke negara-negara lain, dan soal berkenaan dengan perkapalan ini juga menjadi agenda yang terpenting di dalam perbincangan kita dengan negara-negara yang maju.

IMPORT BERAS—KEPERLUAN

2. Datuk Jamaluddin bin Haji Suhaimi minta Menteri Pertanian menyatakan adakah Kerajaan sedar import beras ke negara-negara kita ini adalah makin meningkat dari setahun ke setahun. Jika sedar, apakah langkah yang tegas bagi menambah keluaran beras dalam negeri.

Timbalan Menteri Pertanian (Dr Goh Cheng Teik): Tuan Yang Dipertua, pengimportan beras adalah untuk menampung keperluan beras dalam negara. Pada masa ini pengeluaran beras tempatan di Malaysia telah pun berjaya memenuhi kecukupan beras negara dalam lingkungan 80%. Pengimportan beras adalah berdasarkan kepada keperluan dan juga pengeluaran beras dalam negara pada satu-satu jangka masa yang tertentu. Ada masanya pengimportan beras terpaksa ditingkatkan pada satu-satu jangka masa tertentu apabila terdapat kekurangan di dalam pengeluaran tempatan disebabkan oleh bencana alam seperti kemarau, banjir, serangan penyakit dan sebagainya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam tahun 1972 negara telah mengimport beras dari luar negeri sebanyak 296,442 metrik tan tetapi pengimportan beras pada tahun

1980 adalah sebanyak 72,788 metrik tan pada tahun 1982 sebanyak 244,705 metrik tan beras telah diimport. Oleh itu tidak dapatlah dikatakan bahawa pengimportan beras negara telah meningkat dari setahun ke setahun. Ini adalah kerana langkah-langkah yang positif yang telah diambil bagi menambah keluaran beras negara.

Wan Abu Bakar bin Wan Mohamad:

Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Walaupun tidak meningkat import kita terhadap beras tadi tetapi umumnya kita telah mengeluarkan belanja yang banyak membeli beras daripada luar negeri dan ini memberi kesan yang agak banyak kepada imbalan pembayaran. Tidakkah boleh Kerajaan menggubal satu dasar yang kemas, dasar pengeluaran beras negara bagi mengatasi masalah ini dan dapat kita membanyak pengeluaran beras bagi negeri kita ini.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang Dipertua, Kerajaan memang cuba dengan segala daya-upaya untuk meningkatkan pengeluaran beras negara secara efficient. Oleh kerana Kerajaan haruslah jaga pendapatan yang diperolehi oleh petani-petani tadi selaras dengan paras yang Kerajaan mengingini.

Seperti Ahli Yang Berhormat dari Jerantut sedia maklum capital expenditure, dengan izin, terutama sekali kos kemudahan pengairan sangatlah tinggi. Jadi Kerajaan haruslah menimbang kos kemudahan perairan juga.

Tuan Daud bin Dato' Haji Taha: Soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian menyatakan, apakah jenis-jenis beras atau padi yang ditanam dalam negara ini? Kedua, adakah negara kita menanam padi-padi yang mana kurang menggunakan air sepertimana yang dikatakan oleh Timbalan Menteri, tanaman padi menyebabkan penggunaan air yang

besar. Oleh sebab harga air terlalu mahal maka apakah langkah-langkah Kerajaan untuk menggunakan menanam padi-padi yang kurang menggunakan air. Ketiga, adakah Kerajaan kita menyimpan stok-stok beras, dan kalau ada, untuk berapa lama. Misal berlaku mala-petaka, berapa lamakah negara kita boleh bertahan daripada menghadapi kebuluran?

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang Dipertua, saya minta notis untuk memberi butir-butir berkenaan dengan jenis-jenis padi yang ditanam tetapi saya boleh hantar butir-butir secara bertulis kepada Ahli Yang Berhormat dari Batu Pahat.

Berkenaan dengan jenis-jenis padi yang kurang menggunakan air, izinkan saya memaklumkan Ahli Yang Berhormat bahawa MARDI sentiasa mengkaji dan menyelidiki dengan tujuan tersebut.

Berkenaan dengan soalan food security, Kerajaan tentulah mengadakan dasar supaya negara sendiri boleh menjamin sebilangan besar beras yang dimakan keluar dari tanahair kita. Jadi Kerajaan memang adalah stok-stok padi tetapi angka atau jumlah atau quantiti itu berbeza dari satu masa ke semasa.

Tuan Yang Dipertua: Sungai Petani, penghabisan.

Wan Zainab binti M. A. Bakar: Soalan tambahan. Adakah Kerajaan bercadang untuk mengeluarkan subsidi tenggala sebanyak enam ekar bagi seorang petani supaya dapat mengurangkan kos pengeluaran dan menggalakkan petani menanam padi?

Dr Goh Cheng Teik: (*Bangun*).

Tuan Yang Dipertua: Subsidi Tenggala (ploughing)—membajak.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang Dipertua, Kerajaan akan memberi pertimbangan (*Ketawa*).

MINYAK KELAPA SAWIT SEBAGAI PENGANTI DIESEL

3. Dr George Chan Hong Nam minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan memandangkan kejayaan penyelidikan yang dijalankan oleh Institut Penyelidikan Minyak Kelapa Sawit Malaysia atas minyak kelapa sawit yang boleh digunakan untuk mengeluarkan diesel, adakah Negara kita telah merancang untuk menggunakan minyak kelapa sawit sebagai pengganti diesel atau "diesel substitute" dan jika ya, sila jelaskan:

- (a) bilakah pengeluaran diesel dari minyak kelapa sawit boleh dijalankan secara besar-besaran.
- (b) apakah jumlah diesel yang dijangka dapat dikeluarkan setahun; dan
- (c) berapakah harganya.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Bujang bin Haji Ulis): Tuan Yang Dipertua, kajian-kajian dan penyelidikan intensif ke arah cadangan penukaran minyak kelapa sawit kepada diesel secara komersial sedang dilaksanakan. Sebuah Jawatankuasa Pemandu telah pun dilancarkan yang dipengerusikan sendiri oleh Ketua Pengarah, Institut Penyelidikan Minyak Kelapa Sawit Malaysia (PORIM) serta dianggotai oleh wakil-wakil dari Universiti Malaya, Universiti Teknologi Malaysia dan PETRONAS. Jawatankuasa Pemandu ini juga sedang dalam proses ke arah penubuhan loji percubaan penukaran minyak kelapa sawit kepada diesel.

Oleh yang demikian, Tuan Yang Dipertua, Kementerian saya tidak dapat memutuskan setakat secara

muktamad mengenai perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat selagi kajian loji pandu (pilot plant) mengenai penukaran minyak kelapa sawit kepada diesel belum disempurnakan.

Tuan Ismail bin Said: Saya ingin tahu sama ada dalam kajian setakat ini ujian telah pun dibuat kepada jentera-jentera tertentu menggunakan minyak diesel daripada kelapa sawit, jika ada bilakah ujian itu dijalankan dan apakah jenis jentera yang digunakan dan apakah prestasi jentera yang berkenaan sama ada ianya lebih ekonomi, lebih efficient ataupun tidak jika dibandingkan dengan minyak diesel biasa.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang Dipertua, menurut kajian awal yang telah dijalankan oleh Institut Penyelidikan Minyak Kelapa Sawit Malaysia dengan kerjasama agensi-agensi Kerajaan yang saya katakan tadi menunjukkan kepada kita bahawa tidak ada pengubahsuaian yang perlu terhadap enjin-enjin ataupun mesin-mesin yang sekarang digunakan petrol-diesel sekiranya ia digunakan untuk menggunakan diesel daripada minyak kelapa sawit.

Tuan Yang Dipertua: Ahli Yang Berhormat dari Ulu Terengganu, penghabisan.

Tuan Alias bin Md. Ali: Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada jawatankuasa yang bertugas sekarang ini juga bermaksud untuk merahsiakan formula mengenai menukar minyak sawit kepada minyak diesel ini seboleh-bolehnya dan kemudiannya mendaftarkan sebagai satu patent formula tersebut di seluruh dunia bagi menjamin bahawa formula tersebut tidak ditiru oleh negara-negara pengeluar minyak kelapa sawit yang lain.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang Dipertua, sememangnya untuk menjaga prestasi kehormatan negara dan untuk menentukan supaya industri-industri yang ada di negara kita ini tidak akan menjadi keuntungan kepada negara-negara lain memanglah kita berusaha ke arah merahsiakan formula-formula untuk menghasilkan diesel daripada minyak kelapa sawit.

Untuk menjawab soalan yang kedua yang juga sehubungan dengan yang pertama, memanglah kita menggunakan apa yang dikatakan steering committee (jawatankuasa pemandu) untuk mengkaji selok belok, meneliti keadaan akibat daripada penghasilan diesel daripada minyak kelapa sawit ini, sama ada ianya harus didaftarkan berasas kepada Patent Act dan sebagainya ini akan ditentukan oleh Jawatankuasa Pemandu. Kerana tujuan kita mewujudkan Jawatankuasa Pemandu ialah untuk mengkaji keseluruhannya hasil-hasil daripada penemuan kita ini iaitu penemuan bila mana minyak kelapa sawit didapati boleh menghasilkan diesel daripadanya.

MINYAK KELAPA SAWIT DALAM PEMBINAAN JALAN RAYA

4. Tuan Mohd. Idris bin Mohd. Basri minta Menteri Kerjaraya menyatakan setakat manakah kemajuan telah dicapai di dalam usaha Kementerian beliau menggunakan sistem baru di dalam pembinaan jalanraya yang menggunakan campuran minyak kelapa sawit dan sejenis bahan kimia dan sama ada kosnya lebih murah dari kos bagi cara yang sedang diamalkan oleh Jabatan Kerjaraya.

Timbalan Menteri Kerjaraya (Dato' Dr Nik Hussain bin Abdul Rahman): Tuan Yang Dipertua, setakat ini Kementerian saya belum pernah mengguna sistem baru pembinaan

jalan raya dengan menggunakan campuran minyak kelapa sawit. Walau bagaimanapun, Kementerian saya akan mengambil perhatian mengenai penggunaan bahan ini untuk pembinaan jalan raya.

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya bersetuju bahawa Kementerian Kerjaraya tidak terlibat dalam membuat ujian jalan raya menggunakan campuran kimia dan minyak kelapa sawit, tetapi ada satu badan swasta yang telah mengemukakan teknologi ini yang telah sebenarnya dicuba di satu jalan kampung di kawasan saya dan hasilnya daripada penglihatan saya sendiri menunjukkan keadaannya lebih baik daripada tanah merah biasa walaupun tidak memuaskan seperti minyak tar.

Yang saya hendak tahu sekarang ialah sama ada berdasarkan kepada hasil experiment yang telah dibuat itu adakah pihak Kementerian akan menyusul dari belakang dan menggunakan formula ini secara lebih meluas pada masa depan.

Dato' Dr Nik Hussain bin Abdul Rahman: Tuan Yang Dipertua, setakat beberapa tahun yang lepas ini banyaklah pihak swasta membuat berbagai-bagai experiment dan banyak jugalah pendapat-pendapat secara teori dan sebagainya tetapi kalau mereka ini tidak membuat satu kertas untuk kajian oleh pihak Kementerian saya, maka susahlah untuk pihak Kementerian mengecam yang mana yang genuine dan yang mana tidak genuine. Walau bagaimanapun, pihak Kementerian saya sentiasalah terbuka untuk membuat kajian dalam beberapa segi seperti kesesuaian, keselamatan penggunaan, tekniknya, ketahanan, kos berbanding dengan kos bahan yang sedang diguna dan sebagainya. Jadi, saya mintalah Yang Berhormat untuk

berhubung dengan pihak swasta untuk membuat satu laporan dan permohonan bagi pihak kami menjalankan kajian.

KONTRAK KECIL KEPADA BUMIPUTERA

5. Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed minta Perdana Menteri menyatakan adakah benar kontraktor luar negeri khasnya dari Jepun yang menjalankan kerja-kerja di Malaysia, tidak memberikan keutamaan kepada kontraktor-kontraktor Bumiputera dalam pemberian kontrak-kontrak kecil.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Dr James P. Ongkili): Tuan Yang Dipertua, sukacita dijelaskan bahawa kontraktor-kontraktor antarabangsa termasuk dari Jepun yang memenangi tender dan melaksanakan kerja-kerja kontrak di negara ini dikehendaki mematuhi syarat-syarat perjanjian kontrak yang digubal oleh Kerajaan Malaysia. Dalam usaha memastikan bahawa kontraktor-kontraktor bumiputera menyertai sama dalam kontrak-kontrak turnkey termasuk juga pemberian kontrak-kontrak kecil (sub-contracts), Kerajaan menetapkan syarat dalam perjanjian kontrak turnkey mewajibkan kontraktor antarabangsa tersebut memberikan kerja kontrak kecil (sub-contract) kepada kontraktor bumiputera. Nilai kerja kontrak kecil tersebut hendaklah tidak kurang daripada 30% dari nilai keseluruhan kontrak berkenaan.

Kedua, kontraktor-kontraktor turnkey antarabangsa yang berkenaan diminta supaya menubuhkan usahasama (joint venture) dengan syarikat atau kontraktor tempatan; dan sekiranya ini dilakukan maka keutamaan hendaklah diberi kepada syarikat ataupun kontraktor bumiputera yang mana equiti tempatan

bumiputera hendaklah sekali lagi tidak kurang daripada 30% equiti syarikat usahasama itu. Dengan adanya syarat-syarat di dalam perjanjian kontrak turnkey maka penyertaan kontraktor atau syarikat bumiputera dalam kontrak-kontrak kecil (sub-contracts) adalah terjamin di samping penyertaannya dalam organisasi syarikat usahasama itu juga terjamin sekiranya ia ditubuhkan.

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu dan bertanya kepada Menteri iaitu projek-projek Kerajaan yang diberi kepada Jepun adakah disyaratkan. Ertinya berapakah harga projek yang diberi kepada syarikat-syarikat asing ataupun tidak ada sekatan-sekatan yang tertentu. Kedua, tiap-tiap projek yang diberi kepada Jepun ataupun Korea, adakah projek itu tidak terdaya oleh syarikat-syarikat bumiputera baru diberi kepada pihak syarikat-syarikat asing?

Ketiga, adakah pihak Kerajaan membuat tawaran lebih dahulu kepada syarikat-syarikat dalam negeri sebelum membuat tawaran-tawaran kepada syarikat-syarikat asing?

Datuk Dr James P. Ongkili: Tuan Yang Dipertua, soalan pertama Kerajaan tidak ada mendiskriminasikan sama ada sesuatu projek besar atau turnkey itu diberi kepada kontraktor-kontraktor asing sahaja tanpa membenarkan kontraktor-kontraktor tempatan. Tiada diskriminasi.

Kedua, memang di dalam kontraktor-kontraktor yang ditawarkan secara "turnkey" itu bukan sahaja kontraktor-kontraktor asing tetapi kontraktor di negara kita yang besar pun boleh memasuki ke dalam tender itu. Oleh yang demikian, maka soalan yang ketiga tidak timbul.

RASUAH BAGI PEGAWAI- PEGAWAI KERAJAAN

6. Tuan Karpal Singh minta Perdana Menteri menerangkan angka-angka dan sebab-sebab berkaitan dengan pegawai-pegawai Kerajaan yang terlibat dalam rasuah dan dihukum selepas Dato Seri Mahathir Mohamad mengambil alih pentadbiran dari tangan Tun Hussein Oon.

Datuk Dr James P. Ongkili: Tuan Yang Dipertua, kita tidak dapat menafikan bahawa rasuah adalah satu daripada masalah universal dan penyakit sesial ini wujud baik di negara-negara maju, sedang membangun atau di negara-negara yang kurang maju. Yang berbeza hanyalah taraf atau skop berlakunya amalan rasuah di dalam sesuatu negara tersebut. Adalah kurang tepat atau sukar untuk kita menentukan sesuatu sebab khusus yang mendorong seseorang itu melakukan rasuah. Tetapi secara amnya ada beberapa faktor yang penting yang mendorong seseorang pegawai Kerajaan atau sesiapa juga untuk melakukan amalan rasuah. Faktor-faktor tersebut adalah seperti berikut:

- (i) Faktor kelemahan individu, meliputi perkara-perkara seperti sikap ingin hidup mewah, melebihi daripada punca pendapatan rasmi, perasaan tamak hendak membuat harta, serta cepat kaya dan sikap suka berjudi;
- (ii) Faktor kelemahan kepimpinan dan kelemahan sistem pentadbiran, meliputi kelemahan pemimpin sesuatu organisasi atau jabatan, melambatkan urusan pejabat, terlalu banyak penurunan kuasa dan delegasi kuasa, dan kurang arahan-arahan yang berkaitan;

- (iii) Faktor sosial dan keupayaan, meliputi perkara mengenai kelemahan di dalam agama, keadaan masyarakat yang buta huruf, amalan tradisi yang boros;
- (iv) Faktor politik, meliputi mencari kekayaan melalui politik, nepotisma serta penyalahgunaan kuasa.

Angka-angka pegawai-pegawai Kerajaan yang didapati terlibat semenjak 1-7-81 hingga 30-8-83 adalah seperti berikut:

- (a) Dituduh di mahkamah 314 orang atau kes.
- (b) Telah dibicarakan 99. Keputusan: didapati bersalah 47; tidak bersalah 16; tarik balik 24; lepas tanpa bebas 12; sedang dan akan dibicarakan 215.

Tuan Hassan bin Haji Mohamed: Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, apakah benar ada pegawai-pegawai tinggi Kerajaan yang dihukum bukan kerana rasuah tetapi kerana kuat berdakwah sehingga tertahan kenaikan pangkatnya.

Tuan Yang Dipertua: Pada fikiran saya soalan itu memang tidak berbangkit.

PENYELUDUPAN DI JABATAN KASTAM—MENCEGAH

7. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Kewangan menyatakan adakah benar bahawa penjimatan dalam usaha mencegah penyeludupan di Jabatan Kastam telah menyebabkan bertambahnya penyeludupan yang mengakibatkan kekurangan pungutan hasil negara. Dan adakah benar bahawa banyak bot-bot kastam yang tersadai akibat dari penjimatan ini. Jika benar apakah jalan bagi mengatasinya.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato Dr Ling Liong Sik): Tuan Yang Dipertua, usaha-usaha mencegah penyeludupan oleh Jabatan Kastam dan Eksais Di Raja telah diselenggarakan berterusan tanpa kelonggaran. Namun demikian memandangkan kepada kedudukan ekonomi negara sekarang, rondaan-rondaan memerlukan rancangan yang lebih teliti untuk menjimatkan perbelanjaan. Baru-baru ini Jabatan Kastam telah menerima bekalan 5 buah bot peronda yang besar lagi sofistikasi sebagai tambahan kepada bot-bot peronda yang sedia ada untuk membenteras penyeludupan-penyeludupan yang akan mengancam hasil negara.

Jabatan Kastam dan Eksais Di Raja baru-baru ini telah diperuntukkan dengan secukupnya perbelanjaan untuk memperbaiki bot-bot yang memerlukan pembaikan supaya memastikan Cawangan Laut Jabatan dapat bergerak dengan lebih berkesan untuk membenteras segala kegiatan-kegiatan haram yang berlaku di sekitar perairan Malaysia.

Tuan Khadri bin Sabran: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan sama ada benar bahawa pemeriksaan yang ketat dan mengenakan cukai kepada setiap barangan yang perlu dicukai yang dilakukan oleh Jabatan Kastam menyebabkan berkurangnya pungutan hasil negara. Jika benar, sejauh manakah langkah membesarkan Pusat Pemeriksaan Kastam di Johor Bahru itu dapat mengurangkan kesesakan di Tambak Johor dan juga di tempat-tempat yang lain. Kalau tidak benar, apakah langkah-langkah untuk mengetatkan pemeriksaan terhadap barang-barang yang dibawa masuk ke dalam negara ini.

Dato Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang Dipertua, saya minta tolong ulang lagi sekali bahagian yang pertama.

Tuan Khadri bin Sabran: Betul atau tidak dengan pemeriksaan yang ketat yang dilakukan oleh Jabatan Kastam ini menyebabkan pungutan hasil di dalam negara kita ini menjadi kurang. Kalau betul, sejauh manakah langkah-langkah Kerajaan membesarkan Pusat Pemeriksaan Kastam di Tambak Johor itu dapat mengurangkan kesesakan lalulintas di Tambak Johor itu sendiri. Kalau tidak betul, apakah langkah-langkah untuk mengetatkan pemeriksaan di Pusat-pusat Pemeriksaan Kastam yang ada di dalam negara kita ini.

Dato Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang Dipertua, ada kemungkinan Ahli Yang Berhormat itu bermaksud iaitu jikalau pemeriksaan Kastam terlalu ketat, ada kemungkinan tiada orang yang hendak pergi ke Singapura lagi oleh kerana susah semasa balik nanti dan kena pula queue panjang dan memakan masa yang lama dan oleh kerana itu pungutan hasil di "causeway" itu adalah terlalu kecil. Betul.

Tuan Yang Dipertua, seperti yang sentiasa diamalkan di Causeway Johor Bahru, Pegawai-pegawai Penyelia-penyelia di Jabatan itu ada kuasa untuk menggunakan bijaksananya dan sama ada pemeriksaan ketat atau tidak begitu ketat diamalkan adalah di atas bijaksana Pegawai Penyelia dan ini bergantung kepada kesesakan orang ramai di Causeway itu dan jikalau kesesakan itu adalah panjang dan beberapa rangkaian atau saluran ada kemungkinan Pegawai Penyelia itu menggunakan bijaksananya untuk melonggarkan sedikit sebanyak pemeriksaan itu untuk mempercepatkan pemeriksaan oleh kerana ada ramai orang yang queue itu adalah kaum wanita dan kanak-kanak juga. Saya tidak memikirkan ada lain

cara selain daripada apa yang diamalkan sekarang untuk menambah pungutan yang sedang didapati.

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Bagi pihak pegawai-pegawai Kastam, adakah Kerajaan telah beri had setakat mana harga barang yang dikenakan cukai kerana ada di antara orang-orang Malaysia pergi ke Singapura misalnya atau ke Thailand, ada di antaranya barang yang dibeli di sana, \$50, \$70 juga dikenakan cukai dan ada di antaranya pegawai yang memeriksa barang orang sedangkan barang itu banyak penuh satu kereta dan sebagainya tidak dikenakan cukai. Adakah Kerajaan menghadkan setakat berapakah harganya yang dikenakan cukai?

Dato' Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang Dipertua, ada atau tidak dikenakan cukai itu mengikut undang-undang dan tidak ada had.

Tuan Daud bin Dato' Haji Taha: Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan berapakah jumlah kutipan hitung panjang tiap-tiap hari cukai di Causeway Johor Bahru dan Singapura dan berapa kos jumlah yang dikutip di sempadan Thailand dan Malaysia di Padang Besar?

Tuan Yang Dipertua: Saya rasa itu tidak berbangkit.

Yang Berhormat Tuan Ling Sie Ming.

(Pertanyaan No. 8 Y.B. Tuan Ling Sie Ming tidak hadir).

RMAF SQUADRON F5E

9. Tuan Peter Chin Gan Oon minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada Squadron tunggal RMAF 12 Squadron F5E adalah memadai untuk memberi perlindungan liputan udara bagi keseluruhan negara kita.

Timbalan Menteri Pertahanan (Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha): Tuan Yang Dipertua, saya telah pun menjawab soalan yang lebih kurang serupa maksudnya dengan soalan ini ketika menjawab pertanyaan dari Ahli Yang Berhormat yang sama pada 1hb dan 7hb November, 1983. Oleh yang demikian, saya tidak bercadang untuk menambah apa-apa lagi kepada jawapan-jawapan saya itu.

LUTH—KEMUDAHAN KEPADA BAKAL-BAKAL HAJI

10. Tuan Ahamed Hambal bin Yeop Majlis minta Perdana Menteri menyatakan di dalam menyediakan kemudahan-kemudahan kepada bakal-bakal Haji negara ini untuk menunaikan fardu Haji ke Mekah pada tiap-tiap tahun dengan melalui Lembaga Urusan dan Tabung Haji (LUTH):

- (a) adakah rancangan Kerajaan untuk membuat satu dasar supaya tidak membenarkan sama sekali bakal-bakal Haji pergi menunaikan Haji ini secara bersendirinya; dan
- (b) dengan tertangkapnya 7 orang jemaah Haji dari Malaysia oleh Kerajaan Saudi tahun ini, kerana mengambil kesempatan menyebarkan fahaman politik mereka semasa di Tanah Suci Mekah, apakah tindakan yang telah diambil terhadap mereka oleh Kerajaan Malaysia pula. Dan apakah usaha-usaha yang akan dilakukan supaya peristiwa yang memalukan ini tidak akan berulang lagi.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Puan Shariffah Dora binti Syed Mohamed): Tuan Yang Dipertua, untuk soalan (a), jawapan kepada pertanyaan yang seumpama itu telah pun dijawab pada 17hb Oktober, 1983 untuk pertanyaan Yang

Berhormat dari Matang. Saya tidak bercadang untuk membuat apa-apa tambahan.

Soalan (b) yang sama maksud dan tujuannya telah pun dijawab oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri pada 5hb Oktober, 1983. Hanya saya ingin menambah sedikit untuk mengelakkan daripada berlakunya peristiwa ini dari berulang, Kerajaan bercadang untuk mewajibkan jemaah Haji yang ingin menunaikan fardu Haji hanya menerusi Lembaga Urusan dan Tabung Haji.

GARRISON TENTERA DI NEGERI JOHOR

11. Tuan Mokhtaram bin Rabidin minta Menteri Pertahanan menyatakan adakah Kerajaan bercadang hendak menubuhkan satu garisen (garrison) tentera di kawasan barat daya Negeri Johor untuk mengukuhkan strategi keselamatan negara kita.

Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, buat masa sekarang kita telah pun mempunyai beberapa unit tentera di kawasan barat daya Johor dan Kerajaan berpendapat dengan adanya unit-unit ini ianya adalah mencukupi untuk menguatkan keselamatan negara kita. Dengan itu pihak Kerajaan tidak bercadang buat masa ini, untuk menubuhkan satu lagi garisen di barat daya negeri Johor.

Tuan Yang Dipertua: Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang.

(Pertanyaan No. 12 Y.B. Tuan Lim Kit Siang tidak hadir).

PERSIDANGAN ISLAM ANTARABANGSA DI DHAKA

13. Wan Ibrahim Abdullah minta Menteri Luar Negeri menyatakan nama rombongan atau perwakilan

Malaysia dalam Persidangan Islam Antarabangsa mengenai urusan haji yang berlangsung di Dhaka baharu-baharu ini. Dan adakah Kerajaan bersetuju dengan keputusan persidangan yang berkenaan yang menghendaki supaya Tanah Suci Mekah dan Madinah diserahkan kelolaannya kepada Badan Islam Antarabangsa, seperti surat edaran (sibaran) yang diedarkan oleh perwakilan Malaysia di merata-rata masjid di negara ini.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir): Tuan Yang Dipertua, sebagai menjawab soalan Ahli Yang Berhormat berkenaan, saya ingin menyatakan bahawa kehadiran mana-mana peserta dari Malaysia dalam apa yang dikatakan sebagai Persidangan Islam Antarabangsa mengenai urusan haji yang diadakan di Dhaka baharu-baharu ini, adalah atas tindakan mereka sendiri tanpa melalui atau memaklumpkannya kepada Kerajaan. Oleh itu Kerajaan tidak ada sebarang kaitan dengan perjumpaan tersebut. Dengan ini juga bermakna Kerajaan tidak kena-mengena atau mengiktiraf sebarang keputusan yang dibuat oleh perjumpaan tersebut.

Tuan Wan Ibrahim Abdullah: Tuan Yang Dipertua, daripada jawapan Timbalan Menteri Luar tadi, adalah membayangkan bahawa begitu longgarnya peraturan yang ada pada negara ini bagi tiap-tiap orang yang menghadiri sesuatu persidangan antarabangsa. Jadi saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah langkah yang dibuat sekarang ini akan diteruskan atau dikekalkan terhadap perwakilan-perwakilan lain dalam persidangan apa saja pada masa akan datang?

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang Dipertua, persidangan yang telah diadakan di

Dhaka itu bukannya dianjurkan oleh Kerajaan Bangladesh tetapi dianjurkan oleh satu badan yang bebas dan mereka sudah pun menghubungi secara terus dengan orang-orang yang berkenaan. Memanglah ini satu keadaan yang tidak seharusnya digalakkan, maka Kerajaan sudah pun mengambil beberapa tindakan untuk mengatasi masalah tersebut supaya pada masa-masa hadapan tidak akan berulang lagi ataupun dapat dikurangkan.

Tuan Hassan bin Haji Mohamed: Soalan tambahan, apakah tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan, dalam bentuk apakah?

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang Dipertua, kita memang sudah pun mempunyai satu peraturan di mana kalau Kerajaan-kerajaan di luar hendak menganjurkan sesuatu persidangan ataupun sebagainya, maka segala jemputan kepada rakyat kita haruslah disalurkan menerusi Wisma Putra, tetapi ada kalanya perjumpaan-perjumpaan ini dibuat oleh badan-badan bebas tanpa pengetahuan Kerajaan yang berkenaan. Dalam keadaan-keadaan macam itu memanglah sukar untuk kita mengambil tindakan kecuali kita tahu mengenai perkara itu terlebih awal. Namun demikian kita sedang meneliti cara-cara untuk mengatasi masalah tersebut ataupun mengurangkan masalah tersebut.

AEROFLOT—MELARANG MENDARAT

14. Tuan Seow Hun Khim minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) sama ada Kementerianya telah merancang siri tindak-balas termasuk melarang Aeroflot dari mendarat di negeri kita terhadap pihak Russia mengenai penembakan pesawat Syarikat Penerbangan Korea oleh pihak

Russia pada 1-9-1983 di mana seorang rakyat Malaysia telah terkorban; dan

- (b) apakah sebab-sebab munasabah pihak polis tidak meluluskan permohonan oleh rakyat dan parti-parti politik mengadakan rapat umum dan perarakan untuk membantah kekejaman Russia dalam peristiwa ini.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang Dipertua, saya mohon izin untuk memaklumkan bahawa jawapan kepada soalan seperti ini telah diberi pada 10hb Oktober, 1983 semasa saya menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Kinta dan juga semasa saya menjawab usul Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka mengenai perkara yang sama pada 10hb Oktober, 1983. Saya tidak mempunyai sebarang tambahan kepada jawapan tersebut.

Tuan Yang Dipertua: Berbalik kepada soalan No. 8.

Yang Berhormat Tuan Ling Sie Ming.

Tuan Fung Ket Wing: Tuan Yang Dipertua, dengan izin, soalan No. 8.

PELAJARAN BAHASA ARAB

8. Tuan Fung Ket Wing (*di bawah S. O. 24 (2)*) minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) mengapa Kerajaan menggalakkan pelajaran Bahasa Arab memandangkan bahawa Bahasa Arab—bukan bahasa resmi di mana bahasa tersebut sedang dipelajari oleh satu ratus dua puluh ribu murid di Malaysia; dan
- (b) di mana-mana sekolahlah pelajaran Bahasa Arab ialah digalakkan dan diajar.

Menteri Pelajaran (Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang Dipertua, sekalipun Bahasa Arab bukan bahasa rasmi tetapi Kerajaan kita menggalakkan pelajaran bahasa itu dipelajari sepertimana Kerajaan menggalakkan pelajaran Bahasa Inggeris dipelajari sedangkan bahasa itu juga bukan bahasa rasmi. Hal ini ialah kerana beberapa sebab, di antaranya ialah kaitan Bahasa Arab dengan agama Islam sebagai agama rasmi Malaysia kerana sebarang kajian terhadap hukum dan ajaran agama Islam memerlukan kemahiran dalam bahasa itu.

Kedua, kaitan bahasa itu dengan sejarah negara ini kerana negara ini semenjak menerima kedatangan agama Islam telah menjalin hubungan rapat dengan negara-negara Arab melalui agama Islam dan Bahasa Arab.

Ketiga, kaitan bahasa itu dengan kepentingan pelajaran terutama sekali agama Islam kerana banyak sekolah dan institusi pelajaran agama ditubuhkan di Malaysia dari semenjak berpuluh-puluh tahun yang lalu menyediakan pelajaran Agama Islam, Bahasa Arab dan lain-lain pengetahuan kepada pelajar-pelajarnya untuk membolehkan mereka itu layak menyambung pelajaran tinggi khasnya pelajaran tinggi Agama Islam di luar negeri, terutamanya di negara Arab. Pada masa ini pelajaran Bahasa Arab digalakkan kepada pelajar-apelajar Sekolah Menengah Agama Kerajaan Negeri, Sekolah Menengah Kebangsaan Agama, Sekolah Menengah berasrama penuh dan juga Sekolah Agama Rakyat.

Tuan Hassan bin Haji Mohamed: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Dalam usaha Kerajaan menggalakkan anak-anak kita belajar bahasa Arab apakah pihak Yang

Berhormat Menteri dapat menjelaskan dalam Dewan ini adakah Kerajaan Malaysia mendapat bantuan berupa kewangan ataupun tenaga pengajar daripada negara-negara Asia Barat yang menjadi rakan sahabat kepada negara kita?

Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang Dipertua, kita memang mendapat bantuan daripada negara-negara Islam khususnya negara Arab Saudi dan juga Iraq. Setakat ini kita mempunyai beberapa orang guru-guru agama yang dihantarkan oleh Arab Saudi dan juga Kerajaan Iraq. Di samping itu kita juga mendapat tempat untuk pelajar-pelajar dari Malaysia belajar di Universiti-universiti di Riyadh dan juga Khartoum.

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Menteri Pelajaran telah menerangkan bahawa pelajaran bahasa Arab ini ada diajar di sekolah menengah berasrama penuh, sekolah menengah agama Kerajaan dan sekolah menengah agama rakyat. Adakah dicadangkan atau ada dalam pandangan Kerajaan supaya bahasa Arab ini diluaskan ke sekolah-sekolah rendah.

Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang Dipertua, setakat ini kita kurang berkemampuan berbuat demikian oleh kerana kekurangan guru-guru. Walau bagaimanapun jika difikirkan perlu kita akan berbuat demikian.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang Dipertua, oleh kerana bahasa Arab ini berkaitan dengan agama Islam dan untuk meninggikan taraf bahasa Arab ini bersesuaian dengan adanya Universiti Islam Antarabangsa di tempat kita apakah Kerajaan bercadang untuk mewajibkan murid-murid di sekolah menengah agama atau menengah Arab ini lulus di dalam bahasa Arab dan juga memberi

beberapa kemudahan-kemudahan yang lebih dan juga menambahkan guru-guru yang berpengalaman daripada tanah Arab supaya taraf pencapaian bahasa Arab ini setanding dengan universiti-universiti di negara-negara Arab sendiri?

Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang Dipertua, di sekolah-sekolah agama bahasa Arab adalah diwajibkan dan juga kita memang berusaha menghantarkan banyak lagi guru-guru terlatih dalam bahasa Arab ke sekolah-sekolah seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Tuan Yang Dipertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 12 diberi di bawah ini)

PUSAT SERENTI TAMPIN— SIASATAN POLIS

12. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Dalam Negeri menyatakan hasil siasatan yang dijalankan ke dalam berbagai laporan polis mengenai kekerasan, ketidak perikemanusiaan dan layanan buruk, yang dibuat oleh penghuni-penghuni terhadap kakitangan Pusat Serenti Tampin dan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk menghentikan kekerasan-kekerasan dan ketidak perikemanusiaan yang berlaku dalam pemulihan penagih-penagih dadah.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed): Siasatan yang telah dijalankan oleh pihak Polis telah menunjukkan bahawa tiada kekerasan yang dilakukan oleh pegawai-pegawai yang bertugas di Pusat Serenti Tampin. Pemeriksaan oleh pihak perubatan ke atas penghuni-penghuni yang membuat tuduhan

tersebut tidak menunjukkan sebarang bukti yang mereka telah mengalami apa-apa kecederaan.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1984

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1984

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas Rang Undang-undang Perbekalan, 1984 dan Anggaran Pembangunan, 1984 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis (Hari Pertama).

Majlis Bersidang dalam Jawatankuasa

*(Tuan Yang Dipertua mem
pengerusikan Jawatankuasa)*

3.36 ptg.

Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah): Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan supaya wang sejumlah tidak lebih daripada \$12,364, 308,820 yang diperuntukkan dalam Anggaran Belanja Mengurus 1984 di bawah Maksud Bekalan B. 1 hingga B. 65 bagi Kementerian-Kementerian/Jabatan-jabatan berkenaan dijadikan Jadual dan wang sejumlah tidak lebih daripada \$8,675,890,470 yang diperuntukkan dalam Anggaran Pembangunan 1984 di bawah Maksud Pembangunan P. 7 hingga P. 9, P. 16, P. 18 hingga P. 30, P. 33, P. 35 hingga P. 39, P. 42 hingga P. 44 dan P. 46 hingga

P. 66 bagi Kementerian-kementerian/Jabatan-jabatan seperti ditunjukkan dalam Buku Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 1984 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 31 Tahun 1983 dijadikan Anggaran Perbelanjaan.

Saya tidak berhajat untuk memberi ucapan yang panjang dalam peringkat Jawatankuasa ini oleh kerana saya telah pun menghuraikan tujuan-tujuan utama mengenai peruntukan anggaran perbelanjaan yang dicadangkan itu dalam ucapan Belanjawan saya pada 21hb Oktober, 1983 yang lalu. Di samping itu penjelasan-penjelasan lanjut mengenai peruntukan anggaran perbelanjaan ini boleh juga didapati dalam Penyata dari-pada Kementerian Kewangan mengenai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 1984 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 30 Tahun 1983.

Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan.

Maksud B. 1, B. 2, B. 3, B. 4, B. 5, B. 6, B. 7, B. 8, B. 9, B. 10, B. 11, B. 12, B. 13, B. 14 dan B. 15 (Jadual)—

Maksud P. 7, P. 8 dan P. 9 (Anggaran Pembangunan, 1984)—

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Bekalan B. 1 sehingga B. 15 dan Kepala Pembangunan P. 7, P. 8 dan P. 9 di bawah Jabatan Perdana Menteri terbuka untuk dibahas.

Yang Berhormat dari Batu Pahat.

3.38 ptg.

Tuan Daud bin Dato Haji Taha (Batu Pahat): Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Maksud Bekalan B. 1, Butiran 1100, Aktiviti (1) dan (2) dan mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada pihak Parlimen kerana telah berjaya menyediakan *Hansard-hansard*.

Sepertimana yang saya katakan tadi, Tuan Pengerusi, pihak Parlimen telah berjaya menyediakan *Hansard-hansard* dengan begitu cepat dan cukup memuaskan. Ini disebabkan oleh sifat dedikasi, kerja yang bertungkus-lumus oleh pihak Sekretariat. Tetapi dalam perkara ini, suka saya menambahkan iaitu mesyuarat Public Accounts Committee telah tidak dapat diadakan melainkan selepas sidang Dewan Rakyat dan sidang Dewan Negara. Oleh kerana itu mesyuarat Public Accounts Committee terpaksa ditangguhkan menunggu mereka menyelesaikan kerja-kerja yang patut mereka lakukan dan selesaikan semasa mereka mengendalikan kerja-kerja Parlimen dan Dewan Negara.

Jadi saya ingin mencadangkan, Tuan Pengerusi, supaya pencatat-pencatat ini ditambah supaya dapat mereka berkhidmat kepada pihak Public Accounts Committee. Mereka ini sekiranya PAC tidak bermesyuarat boleh digunakan untuk membantu Ahli-ahli Parlimen di dalam kerja-kerja mereka supaya mereka dapat berada di bilik, dengan izin, "Tower Parlimen" yang gelap gelita kerana tidak ada mempunyai kakitangan. Oleh sebab itulah tidak ada Ahli-ahli Parlimen menggunakan tempat itu, mereka buat kerja di rumah ataupun di bilik-bilik hotel. Jadi sekiranya ada pembantu ataupun mereka yang boleh diharapkan itu sedia ada maka saya percaya Ahli-ahli Parlimen akan menggunakan bilik-bilik yang dikhaskan untuk mereka.

Selain daripada itu, Tuan Pengerusi, saya ingin mencadangkan supaya Parlimen bersidang tidak pada hari Jumaat tetapi pada hari Ahad, hari Jumaat digantikan dengan hari Ahad. Ini disebabkan kerana pada hari Jumaat ini kebanyakan Ahli-ahli Parlimen terpaksa kembali ke kawasan-kawasan mereka menghadapi pengundi-pengundi kerana pada hari

itulah mereka dapat berjumpa dengan pengundi-pengundi berbincang berbagai-bagai masalah serta bersembahyang dengan mereka.

Selain daripada itu, sekiranya hari Ahad digunakan sebagai hari persidangan maka bolehlah juga orang-orang yang diam di bandar-bandar seperti Kuala Lumpur dapat menghadiri sidang Parlimen kerana pada hari itu ialah hari cuti. Sekian.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Jerantut.

3.40 ptg.

Wan Abu Bakar bin Wan Mohamad (Jerantut): Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada mukasurat 55, Maksud Bekalan 7—Jabatan Perdana Menteri, Program (2) Unit Perancang Ekonomi bersekali dengan mukasurat 74 ataupun 75 Maksud Pembangunan B. 7—Jabatan Perdana Menteri, Butiran 14.

Tuan Pengerusi, Unit Perancang Ekonomi (EPU) baru sahaja diberikan satu lagi tugas baru iaitu menjadi satu Secretariat, dengan izin ataupun pengumuman baru-baru ini daripada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri bahawa EPU ini akan menjalankan satu tugas baru menjadi satu Jawatankuasa khas ataupun menjaga satu Jawatankuasa khas berkenaan dengan pengswastaan. Di dalam hubungan ini, Tuan Pengerusi, nampaknya negara kita dalam perkara pengswastaan perkhidmatan Kerajaan ataupun Jabatan-jabatan yang sekarang ini masih di dalam Kerajaan seperti Telekom, Pos, Keretapi dan sebagainya nampaknya merupakan perkara yang sangat hangat dibincangkan oleh semua lapangan. Dan saya mengalu-alukan langkah Kerajaan menugaskan EPU untuk menjaga Jawatankuasa ini dan Ketua Pengarah Unit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri telah menjadi Pengerusinya.

Tuan Pengerusi, saya berpendapat pengswastaan perkhidmatan awam ini sangatlah penting dan baru-baru ini kita mendengar beberapa ucapan ataupun kenyataan daripada pemimpin kita, daripada Perdana Menteri sendiri sehinggalah ke peringkat dibawah-bawahnya. Pada hari semalam sahaja pada 8-11-1983 seorang Menteri dan seorang Timbalan Menteri telah menyatakan dalam Dewan ini iaitu Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan Kementerian ini sedang mengkaji kemungkinan mengswastakan sebahagian daripada projek-projek awam kos rendahnya dan begitu juga Menteri Tenaga, Telekom dan Pos telah menerangkan kepada Dewan yang mulia ini tent yang pengswastaan beberapa khidmat khususnya telekom. Oleh yang demikian, saya berasa maka tugas Unit Perancang Ekonomi makinlah berat dan kita berharap dengan ianya menjadi satu Jawatankuasa khas ini ataupun mengambil satu daripada tugasnya, kita berharap Jabatan ini akan diberi perhatian yang lebih dari segi peruntukan, kakitangan dan sebagainya. Namun begitu, Tuan Pengerusi, saya ingin mencadangkan kepada Jabatan Perdana Menteri dan juga khusus Unit ini Unit Perancang Ekonomi ini supaya mengambil beberapa perhatian tentang tugas yang baru ini iaitu menjadi Secretariat kepada pengswastaan perkhidmatan Kerajaan, kerana ini akan memberikan satu kesan yang sangat hebat ataupun yang besar kepada sektor ekonomi negara kita. Perbelanjaan Kerajaan adalah merupakan 40% daripada KNK (Keluaran Negara Kasar) dan perbelanjaan Kerajaan itu sendiri memberikan kesan secara langsung kepada kedudukan imbalan pembayaran negara dan sebab itulah perbelanjaan-perbelanjaan dalam dua tahun yang baru ini khususnya dalam pembangunan telah dikurangkan. Walaupun kita bersetuju bahawa pengurangan ini akan melibatkan serta

mempengaruhi kedudukan pelaksanaan projek-projek Kerajaan, tetapi ini tidak dapat dielakkan dan saya bersetuju bahawa pengswastaan ini mungkin satu daripada caranya kita dapat menyelamatkan banyak sekali peruntukan Kerajaan di samping mendapat pula perkhidmatan yang sempurna, jaminan perkhidmatan yang lebih luas yang akan dilakukan oleh pihak swasta. Dalam hubungan ini Tuan Pengerusi, saya ingin memetik satu kata-kata daripada Yang Berhormat Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah semasa membentangkan Belanjawan 1984 yang telah berkata:

“Oleh itu Ahli-ahli Yang Berhormat tentu setuju bahawa Kerajaan patut mengambil daya utama untuk mempengaruhi prestasiimbangan pembayaran kita. Ini akan kita lakukan terus-menerus dengan cara mengurangkan perbelanjaan terutama sekali perbelanjaan bagi projek-projek pembangunan yang mempunyai unsur tukaran asing yang banyak. Cadangan untuk mengswastakan sebilangan dari bermacam-macam perkhidmatan yang sekarang ini diselenggarakan oleh Kerajaan akan juga membantu mengurangkan perbelanjaan Kerajaan.”

Perkataan yang menarik di sini ialah “penswastaan”; sebilangan daripada bermacam-macam perkhidmatan yang sekarang ini diselenggarakan oleh Kerajaan atau sektor awam.

Tuan Yang Dipertua, konsep persyarikatan Malaysia dan pengswastaan adalah satu konsep yang besar. Konsep persyarikatan Malaysia bermakna semua pihak rakyat di negara Malaysia ini baik sektor swasta, sektor awam dan rakyat seluruhnya bersama-sama menyumbangkan kepada pembinaan negara.

Saya suka mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana telah memperkenalkan konsep yang penting ini. Persyarikatan Malaysia dan pengswastaan akan mengubah sektor ekonomi negara dan akan dapat membawa negara ini kepada tahap yang lebih maju. Dalam ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 10-10-83 telah menyatakan:

“Konsep persyarikatan Malaysia dan penswastaan bererti bahawa rakyat perlu membentuk dan menerima falsafah Perbadanan Kebangsaan dan strategi bertindak yang sama. Pengurus-pengurus di pihak swasta kini perlu berfikir bagaimana mereka boleh memberikan sumbangan kepada kebajikan negara, bukan hanya untuk kemajuan syarikat ataupun Perbadanan mereka sahaja, masa depan bergantung kepada daya pengeluaran yang bertambah dan kebolehan untuk menjual lebih banyak barangan kepada dunia, Kerajaan telah bersedia dan kini rakyat dan pihak swasta mesti memberikan sumbangan mereka dengan cara itu sahajalah kita boleh berjaya.”

Tuan Pengerusi, banyak sekali seperti yang saya katakan tadi pendapat-pendapat, kenyataan-kenyataan yang telah kita keluarkan, ada yang menyokong, ada yang meragu-ragukan. Misalnya, ada yang meragukan tentang kebajikan pekerja masa depan mereka dan berbagai-bagai lagi aspek daripada kebajikan keseluruhan pekerja-pekerja yang sekarang ini di bawah tanggungjawab Kerajaan jika perkhidmatan Kerajaan itu diswastakan.

Tuan Pengerusi, dalam hubungan ini Perdana Menteri juga telah menjawab pada 10-10-1983 dengan mengatakan bahawa:

Pengswastan akan dijalankan setelah Kerajaan dapat menjamin para pekerja tidak akan rugi”

dan pada 1-11-1983 sekali lagi Perdana Menteri telah memberikan jaminan itu iaitu:

Lain-lain faedah ataupun perkara-perkara yang berkaitan dengan perkara ini akan dapat ditimbang oleh Kerajaan semasak-masaknya sebelum sektor awam ini perkhidmatannya diserahkan kepada swasta” dan pada 10-10-1983 Perdana Menteri juga telah menyatakan:

Pengswastan tidak bererti Kerajaan menyerahkan sesuatu projek secara mutlak kepada swasta, Kerajaan masih bertanggungjawab terhadap setiap tugas atau perkhidmatan awam yang telah diswastakan”

Jadi perkara yang saya nyatakan di atas sudah cukup membuktikan bahawa persyarikatan Malaysia dan pengswastan adalah satu konsep yang betul dan baik dan akan menarik pelabur-pelabur di dalam dan juga di luar negeri untuk menyertai proses pembangunan negara kita ini. Jadi di dalam hal ini saya sekali lagi memetik kata Perdana Menteri Yang Amat Berhormat Dato’ Seri Dr Mahathir pada 21-10-1983 yang menyatakan kita tidak memerlukan insentif untuk mengalakkan pengswastan sebab kita tidak menganggap pengswastan sebagai satu polisi, tetapi hanyalah sebagai cara untuk mengatasi masalah.

Tuan Pengerusi: Maaflah saya. Yang Berhormat bercakap di atas dasar itu, jadi kena bercakap di atas butir-butir perbelanjaan. Sila.

Wan Abu Bakar bin Wan Mohamad:

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan Jabatan Perdana Menteri, Unit Perancang Ekonomi ini telah diperuntukkan sejumlah wang seperti yang dicatat dalam buku peruntukan. Kalau kita lihat dalam B. 7 perbekalan ini berjumlah seperti pada tahun 1984, umpamanya dalam Gaji dan Upahan sebanyak \$5 juta lebih. Jadi saya cuba dalam ucapan ini merujuk kepada Unit Perancang Ekonomi dan menyatakan bahawa bagaimana pentingnya satu lagi tugas baru pengswastan ini dengan Jawatankuasa petugas khas ini memerlukan lagi kakitangan yang bertambah dan juga peruntukan yang lebih untuk meneruskan dan membawa serta menerapkan konsep yang sangat penting kepada negara kita.

Tuan Pengerusi, daripada beberapa perkara tadi maka jelaslah Unit Perancang Ekonomi ini di bawah Jabatan Perdana Menteri menghadapi ataupun mengambil satu lagi peranan yang sangat penting tugasnya, di samping berbagai-bagai tugas yang lain untuk merancang ekonomi negara kita. Sebagai contohnya, kita boleh dapat melihat bagaimana ‘response’ daripada orang ramai dan juga beberapa Jabatan tentang kehendak-kehendak untuk meneruskan pengswastan ini. Misalnya satu akhbar telah melaporkan pada 9hb Oktober tentang pemberian kepada Fleet Group Sendirian Berhad untuk menjalankan Rangkaian Ketiga RTM, sebagai contohnya. Dan begitu juga pada 22hb Oktober ada lagi sebuah akhbar menyatakan MAJUTERNAK pula yang telah gagal sekarang ini dan juga telah dimansuhkan, ladang-ladang ternaknya hendak diswastakan. Begitu juga perkhidmatan telekom, kilang-kilang dan lori-lori MARDEC dan sebagainya.

Jadi, saya menyerulah kepada unit ini ataupun EPU supaya memerhatikan beberapa perkara tentang tugas baru ini dalam hubungan

dengan tugas-tugas yang lain telah diberikan oleh Kerajaan seperti yang telah digariskan. Saya masih berpendapat tugas ini sangat berat dan kalau boleh diasingkan daripada tugas-tugas yang lain, satu kumpulan kakitangan yang lain betul untuk melaksanakan, mengkaji ataupun membuat apa-apa peraturan, dasar dan sebagainya tentang pengswastaan ini.

Tuan Pengerusi, dalam negara kita ini saya masih percaya untuk perhatian EPU bahawa pengswastaan ini adalah satu perkara yang besar yang akan melibatkan perubahan struktur ekonomi negara, seperti yang saya telah katakan tadi, dan beberapa perkara seperti konsep "Sogoshosha", HICOM, perindustrian kecil dan juga industri berat ini berkait rapat dengan pengswastaan.

Oleh itu, EPU pada pendapat saya bukan sahaja mengambil tugas sebagai Jawatankuasa Khas tadi kepada pengswastaan tetapi juga perkara-perkara yang lain yang telah saya sebutkan tadi. Jadi, kalau kita kaitkan sektor awam dan sektor swasta, sektor awam telah menjalankan perkhidmatan Kerajaan dan swasta, aktiviti perniagaan, perdagangan dan perindustrian. Tetapi ada juga badan-badan Kerajaan yang menjalankan aktiviti perindustrian, seperti FIMA, kilang FELDA dan sebagainya. Oleh itu baik sektor awam mahupun sektor swasta ada menjalankan tugas peranan yang sama. Oleh itu saya percaya pengswastaan perkhidmatan Kerajaan ada latar belakangnya dan ada langkah-langkah ke hadapannya. Saya berharap EPU dalam menyusun ataupun mengkaji perkara ini kenalah perhatikan.

Tuan Pengerusi, saya berpendapat bahawa bukan sahaja pengswastaan sebaliknya sebelum pengswastaan ini latar belakangnya ialah Kerajaan pada mulanya melaksanakan 100% daripada

tugas itu seperti yang ada sekarang ini dan selepas itu ditingkatkan kepada usaha seperti usahasama Kerajaan dengan pihak swasta ataupun "joint-venture", dan baru datangnya selepas itu ditingkatkan lagi konsep pengswastaan. Kemudian saya berfikir juga bahawa selepas pengswastaan, ada lagi perkara yang ke hadapannya, saya berpendapat perkara itu ialah, dengan izin, "commercialisatino".

Jadi bukan sahaja pengswastaan, kadang-kadang perkhidmatan daripada Kerajaan ini diwastakan, tetapi ada yang memerlukan dicommericalisedkan. Saya juga berfikir bahawa ada lagi selepas daripada commercialisation ini, ke hadapan daripada commercialisation itu, iaitu perindustrian. Jadi, akhirnya beberapa perkhidmatan di dalam sektor awam ini daripada dibuat oleh Kerajaan 100%, ada joint-venture, lepas itu pengswastaan, kemudian commercialisation dan selepas itu menjadi perindustrian. Jadi, bermaknanya tugas EPU sangat penting.

Saya hendak membuktikan pentingnya kepada perkara ini. Dalam sektor swasta pada mulanya menjalankan perniagaan, menjalankan perkhidmatan dan perindustrian. Sektor Kerajaan ataupun sektor awam juga sama, daripada beberapa perkara tadi mulamulanya 100% dibuat oleh Kerajaan, lepas itu dijalankan usahasama, pengswastaan, commercialisation dan seterusnya kepada perindustrian.

Sebagai contohnya, kita boleh ambil Keretapi Tanah Melayu. Kalau dalam Kerajaan melaksanakan 100% namanya Keretapi Tanah Melayu, lepas itu mungkin kita tak tahan rugi; baru-baru ini diumumkan \$20 juta lebih rugi, maka KTM boleh ada usahasama dengan swasta. Ini baru peringkat usahasama. Peringkat

pengswastaannya ialah ditukarkan konsep, ditukarkan kesemuanya sekali menjadilah satu syarikat keretapi swasta. Dan di peringkat commercialisationnya ialah berbagai-bagai lagi ada syarikat-syarikat keretapi betul-betul berubah menjadi syarikat perdagangan. Dan hasil daripada ini, itulah peringkat perindustrian. Umpamanya, daripada swasta menjalankan perkara ini tadi dijadikan commercialisation. maka akan tertubuh perlu ada industri gerabak keretapi, industri kepala keretapi, industri besi sendiri, industri sleeper keretapi, industri kusyen membuat tempat duduk dalam keretapi. Ini merupakan seperti pelan induk. Saya berpendapat dan perkara ini saya minta Jabatan Perdana Menteri tolong membuat kajian lebih terperinci daripada saya, iaitu yang penting dalam hal ini bukan pengswastaan itu tiba-tiba timbul sahaja, tetapi latar belakangnya tadi dan ke depannya.

(Tuan Shamsuri bin Md. Salleh
mempengerusikan Jawatankuasa).

Tuan Pengerusi, oleh kerana itu bila kita telah dapat perkara seperti yang saya sebutkan tadi, maka orang akan berkata pada masa akan datang bukan lagi mengswastakan perkhidmatan Kerajaan, tetapi mengindustrikan perkhidmatan Kerajaan kerana kalau swastakan sahaja mungkin dia tidak dapat untung, kita hanya mengubahkan konsep sahaja, perindustrian kita mungkin tidak berkembang. Kalau telekom misalnya, maka Menteri yang berkenaan akan mengatakan bahawa kita akan mengindustrikan perkhidmatan telekom dan daripada Jabatan Telekom membuatnya sekarang, akhirnya dia menjadi pengswastaan, syarikat swasta buat, akhirnya menjadi commercialisation dan perindustrian. Maka bercambahlah industri-industri membuat kabel, membuat gagang

telefon seperti sekarang ini, menjalankan kerja-kerja menanam kabel dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, sekali lagi saya berharap benar kepada unit ini akan dapat membantu mewujudkan satu pelan induk seperti yang saya katakan tadi hasil daripada konsep yang dibawa oleh Perdana Menteri pengswastaan dan faedahnya bagi kita adalah sangat banyak. Daripada sini kita boleh memasukkan perkara-perkara yang diperkenalkan oleh Kerajaan umpamanya Sogoshosha yang boleh dapat membantu memasarkan barang-barang yang telah jadi industri tadi ke luar negeri seperti yang kita maklum umpamanya di negara Amerika Syarikat 20% daripada eksportnya dijalankan ataupun telah dilakukan oleh Sogoshosha-sogoshosha mereka dan begitu juga di Jepun 50% daripada perdagangan luar negerinya dan eksportnya dijalankan oleh Sogoshoshanya. Jadi, bila sudah beberapa perkhidmatan Kerajaan ini tadi menjadi satu perindustrian—lesen keretapi, telefon dan sebagainya—maka Sogoshosha akan masuk membantu mengeksport pula barang yang kita buat tadi bukan sahaja digunakan oleh kita dan akhirnya negara kita akan menjadi pengeksport kepala keretapi, gerabak keretapi, sleeper keretapi. Jadi inilah saya katakan penting sangat. Sekarang bila KTM buat kita tidak nampak bahawa perlu ada satu industri membuat gerabak keretapi. Bila diswasta, bila dicommercialised, bila jadi industri baru nampak pentingnya pengswastaan itu.

Tuan Pengerusi, dalam hubungan ini maka hasrat Kerajaan khususnya Belanjawan tahun ini untuk mengukuhkan Kerajaan akan dapat. Kementerian-kementerian yang berkenaan masih lagi wujud dan tugasnya sekarang lebih penting, daripada dahulu walaupun tidak melakukan lagi projek-projek

pembangunan tetapi bagi pihak Kerajaan menjaga kepentingan-kepentingan pekerja—orang ramai. Umpamanya Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos bila telah diswastakan dan jadi industri mengeluarkan lesen-lesen. Manamana syarikat yang menyeleweng maka lesennya dipotong, beri kepada orang lain dan meletakkan syarat serta enforcement dan sebagainya, tidaklah dapat menyeleweng.

Dengan sekali gus keraguan kita, keraguan orang ramai tentang konsep ini akan dapat terjawab.

Tuan Pengerusi, kita tidak ada jalan lain, kita kena melakukan perkara ini untuk membangunkan negara kita dan dua sektor awam dan swasta ini akan dapat dimajukan seperti yang telah kita cita-citakan.

Tuan Pengerusi, akhirnya saya sekali lagi berharap di bawah B 7 Program (2) Unit Perancangan Ekonomi (EPU), Maksud Bekalan dan juga Maksud Pembangunan P. 7, Butiran (14) ini dapat mengambil beberapa perhatian dan membuat kajian yang lebih mendalam lagi berkenaan tugas baru mereka ini iaitu tugas sebagai jawatankuasa khas berkenaan dengan pengswastaan ini dan beberapa perkara akan dapat dijawab ataupun satu pelan induk dapat dibuat khusus. Ini dia, dibentangkan kepada rakyat, kepada orang ramai. Ini sebabnya kita buat pengswastaan. Ini pentingnya untuk pembangunan negara.

Dengan itu, Tuan Pengerusi, saya menyokong anggaran daripada jabatan ini iaitu di bawah Maksud B. 7 serta yang lain-lainnya di bawah Jabatan Perdana Menteri.

Tuan Pengerusi: Ahli Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar.

4.04 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur): Tuan Pengerusi, saya cuma hendak membangkit dua, tiga perkara dalam perbahasan saya ada petang ini. Yang pertama, saya suka menarik perhatian, Tuan Pengerusi kepada muka surat 118 dalam buku Anggaran Belanja iaitu berkaitan dengan Maksud Bekalan 15, Jabatan Perpaduan Negara.

Tuan Pengerusi, di bawah Anggaran Belanja 1984 telah dicadangkan bahawa sejumlah \$115.5 juta akan dibelanjakan untuk Jabatan Perpaduan Negara. Saya suka mengambil kesempatan ini untuk membincangkan Aktiviti (1) Pentadbiran Am, Aktiviti (2) Perancangan dan Penyelidikan, termasuk Aktiviti (3) Perhubungan Masyarakat. Di samping ini saya juga suka mengambil kesempatan ini untuk membincangkan tugas yang dimainkan oleh Jabatan ini atas satu perkara yang amat penting kepada negara iaitu tentang pencapaian perpaduan negara.

Tuan Pengerusi, dengan menimbang kepada kenyataan bahawa oleh kerana terdapat satu peruntukan untuk Jabatan berkenaan, maka saya suka melahirkan beberapa pandangan saya mengenai usaha-usaha yang dijalankan oleh Kerajaan selama ini ke arah pencapaian perpaduan negara, satu perkara yang amat penting pada anggapan kita semua.

Pertamanya, saya suka menarik perhatian, Tuan Pengerusi, kepada buku Anggaran Program dan Prestasi Tahun 1984, muka surat 501 yang ada menerangkan objektif-objektif program perpaduan negara oleh Kerajaan dan ianya menyatakan dan saya sebutkan di sini. Pertama, tugas Jabatan ini ialah untuk menyemai perasaan muhibbah dan perpaduan di kalangan rakyat berbagai kaum di

negara ini bagi melahirkan satu masyarakat Malaysia yang bersatu padu. Kedua, untuk menanamkan perasaan yakin dan percaya rakyat kepada Kerajaan bagi menjamin kerjasama yang sepenuhnya oleh rakyat terhadap semua dasar-dasar yang dijalankan oleh Kerajaan. Ketiga, untuk membantu agensi Kerajaan atau pihak swasta yang memerlukan bantuan terhadap masalah konflik kaum supaya dapat dipulihkan semua keadaan yang aman dan saling mempercayai di antara rakyat.

Tuan Pengerusi, objektif di atas terutamanya yang pertama iaitu menyemai perasaan muhibah dan perpaduan di kalangan rakyat berbagai kaum di negara ini bagi melahirkan satu masyarakat Malaysia yang bersatupadu adalah patut diberikan pujian dan sanjungan tetapi soalan saya ialah sejauh mana Jabatan yang berkenaan telah mencapai objektif yang murni itu ataupun sejauh mana Jabatan itu dapat bergerak ke arah yang sebenar dalam usahanya untuk mencapai objektif-objektif yang disebut dalam buku itu.

Sebagai seorang Ahli Dewan ini yang sama-sama memikul tanggungjawab adalah menjadi pandangan saya bahawa Jabatan Perpaduan Negara hingga ke hari ini masih belum berupaya mengasaskan dengan kukuh dasar-dasar pembinaan negara meskipun banyak kegiatan-kegiatan telah dijalankan selama ini. Saya tidak bermaksud, Tuan Pengerusi, untuk melemparkan kritik-kritik secara melulu dan negatif terhadap Jabatan berkenaan tetapi melihat kepada keadaan perpaduan negara secara amnya di negara kita pada hari ini, saya tidak mempunyai pilihan lain kecuali menyatakan di sini bahawa kita masih jauh lagi dalam proses mencapai perpaduan negara.

Jelas kepada saya masih belum ada pegangan tegas Jabatan berkenaan mengenai masalah-masalah dan halangan-halangan yang menyekat pencapaian perpaduan negara, malahan jika ada pun, Tuan Pengerusi, saya masih belum lagi nampak bagaimana Jabatan ini berupaya memainkan satu peranan yang lebih berani dan positif dalam melaksanakan usaha-usaha ke arah mencapai objektif perpaduan di negara ini.

Tuan Pengerusi, saya mendapati bahawa daripada cadangan anggaran Belanjawan 1984 untuk Jabatan Perpaduan Negara berbagai peruntukan telah disediakan bagi kegiatan-kegiatan seperti kegiatan kejiiran, Rukun Tetangga, pelajaran dan juga aktiviti penyelidikan.

Izinkan saya menyatakan di sini bahawa yang sebenarnya saya pernah memberi sokongan untuk kegiatan-kegiatan seperti kegiatan kejiiran dan Rukun Tetangga dalam kawasan Parlimen saya, dan sebagai seorang Wakil Rakyat, saya tidak merasa sangsi bahawa kegiatan-kegiatan seumpama itu boleh mewujudkan perhubungan yang baik dan rapat di antara penduduk-penduduk dan masyarakat peniaga dalam kawasan-kawasan tertentu untuk mengenali antara satu sama lain dan juga membantu menghentikan kegiatan-kegiatan yang tidak diingini seperti kegiatan jenayah dan penyalahgunaan dadah dan akan tetap membantu memastikan keselamatan dalam sesuatu kawasan dengan adanya kegiatan-kegiatan seperti kejiiran dan Rukun Tetangga ini saya tidak menafikan, tetapi perkara yang saya suka bangkitkan di sini ialah sama ada kegiatan-kegiatan kejiiran dan Rukun Tetangga sahaja boleh membantu mewujudkan perpaduan negara di kalangan berbagai kaum di negara ini yang begitu sedar tentang hak mereka

sebagai warganegara. Jawapan saya, Tuan Pengerusi, ialah tidak mungkin. Saya terpaksa berterus terang mengenai perkara ini.

Dalam hal yang sama adalah juga menjadi pandangan saya bahawa usaha menerbitkan risalah misalannya satu majalah yang dinamakan Balai Muhibah sahaja oleh Jabatan itu bukanlah satu jawapan untuk mencapai muhibah dan perpaduan di kalangan berbagai kaum. Mungkin dari segi pengetahuan orang ramai Balai Muhibah ini dapat menyebarkan penerangan-penerangan yang ada berkaitan dengan tugas yang dijalankan oleh Jabatan ini tetapi dari segi itu bagaimana Balai Muhibah ini dapat mencapai perpaduan ialah satu perkara yang lain dan walaupun dengan menubuhkan satu Unit Penyelidikan adalah satu idea yang baik tetapi Unit seumpama itu bukan sahaja hendak memberikan maklum balas yang tepat kepada Kerajaan, tetapi pada masa yang sama ia mesti juga bersedia memberi nasihat yang tepat kepada Kerajaan dan juga menyediakan satu strategi yang berkesan untuk mencapai perpaduan negara.

Ia mesti bertindak mengesan semua halangan yang menyekat kewujudan perpaduan negara dan merangka satu program yang berkesan untuk mengatasi halangan-halangan itu dengan sokongan-sokongan dan keazaman politik Kerajaan yang penuh bagi mewujudkan perpaduan negara.

Perkara pertama yang perlu dilakukan oleh Jabatan Perpaduan Negara ialah pada pandangan saya yang hendak dilakukan ialah untuk mengarahkan adanya satu kajian menyeluruh tentang dasar-dasar pembinaan negara kita dengan tujuan untuk mendekati perkara-perkara ini dengan cara yang lebih positif dengan mengambil pertimbangan aspirasi yang sebenar berbagai kaum yang menjadikan Malaysia negara mereka.

Adalah menjadi kepercayaan kita bahawa halangan terbesar kepada perpaduan negara dan integrasi nasional di hari ini ialah masalah tentang polarisasi kaum. Polarisasi kaum wujud adalah disebabkan oleh mereka yang menolak hakikat bahawa Malaysia adalah sebuah masyarakat berbagai kaum dan yang menolak pengiktirafan hak asasi dan aspirasi semua kaum di Malaysia.

Polarisasi kaum di Malaysia telah diwujudkan oleh kuasa-kuasa pihak pelampau atau ekstrimis dan yang berbau perkauman yang begitu dingin dan sentiasa bertindak menolak harapan dan aspirasi berbagai kelompok masyarakat.

Jabatan Perpaduan Negara dalam menjalankan tugasnya tidak boleh berharap mengenepikan masalah polarisasi kaum ini dengan berselindung bahawa ianya tidak wujud. Masalah ini hanya boleh diselesaikan dengan mengenalpasti sebab-sebab yang menimbulkan masalah polarisasi kaum ini dan seterusnya bertindak menyelesaikan sebab-sebab yang menjadi asasnya.

Pada pandangan saya, Tuan Pengerusi, bahawa masalah polarisasi kaum ini boleh diatasi jika Kerajaan bersedia mengenalpasti dengan menerima hakikat bahawa rasa tidak puas hati berbagai kaum yang wujud itu mestilah diselesaikan melalui pengemukaan dasar-dasar yang adil dan saksama untuk faedah semua kaum.

Bercakap saya tentang pentadbiran dan juga tugas Jabatan Perpaduan Negara ini, saya ingin menyatakan di sini bahawa satu lagi halangan kepada perpaduan negara dalam negara kita yang mana Jabatan Perpaduan Negara seharusnya perhatikan ialah kecenderungan setengah-setengah golongan ekstrimis yang sentiasa

mempersoalkan kesetiaan mana-mana kaum dalam negara ini dan juga menganggap kaum-kaum bukan Melayu dalam negara ini sebagai orang asing. Sesiapa yang mempersoalkan kesetiaan mana-mana golongan kaum dalam negara berbilang kaum ini, atau mensifatkan penduduk bukan Melayu sebagai orang asing, adalah suatu pada anggapan saya sangat serious dan mestilah disekat.

Yang Amat Berhormat Perdana Mentefi hendaklah bertindak menghentikan tindakan atau perbuatan seumpama ini yang mana jika dibenarkan berleluasa ianya akan membangkitkan atau merosakkan perpaduan negara atau pun integrasi nasional.

Jika Jabatan Perpaduan Negara hendak melihat wujudnya perpaduan rakyat di negara ini maka ianya hendaklah juga bersedia bertindak secara terbuka dan mengutuk semua pihak yang menjalankan aktiviti-aktiviti memecahbelahkan kaum.

Ia hendaklah membantu menghentikan tindakan pihak-pihak ekstrimis perkauman yang tidak bertanggungjawab dan tidak diingini itu demi kepentingan integrasi nasional.

Satu lagi halangan utama kepada perpaduan negara yang sentiasa dibangkitkan oleh rakan-rakan saya ialah tentang pengumuman Kerajaan mengenai dasar satu bahasa dan satu budaya, begitu juga dasar kebudayaan yang bersifat asimilasi.

Rakyat Malaysia yang terdiri dari berbagai kaum tidak boleh menerima dasar satu bahasa, satu budaya serta satu dasar kebudayaan yang bersifat asimilasi. Percubaan yang berterusan oleh mana-mana pihak untuk menyuarakan dasar satu bahasa, satu budaya akan hanya mendalamkan atau meluaskan lagi perpecahan rakyat dalam negara ini dan bukan menyatupadukan mereka.

Maka, Tuan Pengerusi, satu jalan keluar untuk mengujudkan perpaduan negara ialah Kerajaan mestilah melibatkan sepenuhnya secara tetap kepada prinsip pelbagai kaum yang akan memastikan penerusan kewujudan negara Malaysia sebagai sebuah negara yang mempunyai berbagai kaum, berbagai bahasa, berbagai budaya dan agama.

Adalah menjadi peranan penting Jabatan Perpaduan Negara untuk mewujudkan kesedaran ke arah objektif ini, tetapi malangnya jabatan berkenaan sehingga sekarang masih tidak bersuara ataupun membisu sahaja mengenai isu yang amat penting ini kepada negara dan proses pembinaan bangsa Malaysia.

Tuan Pengerusi, sekarang saya ingin merujuk kepada Maksud Bekalan B. 7 di bawah Jabatan Perdana Menteri yang terkandung dalam mukasurat 55 berkenaan dengan aktiviti (1) (e) iaitu berkenaan dengan Biro Pengaduan Awam. Berhubung dengan perkara Biro Pengaduan Awam, saya mendapati bahawa adalah dicadangkan sejumlah \$398,900 dibelanjakan untuk tahun 1984 berbanding sebanyak \$392,000 untuk tahun ini. Tuan Pengerusi, banyak telah diperkatakan mengenai perpaduan awam dan peranan yang harus dimainkan untuk menyalurkan pengaduan-pengaduan orang ramai mengenai berbagai perkara, ketidakcekapan pentadbiran dan salah amalan berbagai Jabatan Kerajaan kepada badan-badan atau agensi-agensi yang berkenaan untuk tindakan penyelesaian.

Pada anggapan saya peranan Biro Pengaduan Awam semakin penting memandangkan cita-cita Kerajaan untuk mewujudkan sebuah Kerajaan Bersih, Cekap dan Amanah. Oleh kerana fungsi utama Biro ialah melayan aduan-aduan orang ramai adalah penting bagi Biro ini

mempastikan ianya mudah dihubungi oleh orang ramai. Dalam hubungan ini, saya mengucapkan tahniah kepada Biro Pengaduan Awam kerana telah berpindah dari kawasan Jabatan Perdana Menteri ke Pusat Bandar yang bertempat di Bangunan Wahidah di Jalan Chow Kit dan dengan itu telah memberikan peluang kepada orang ramai untuk menghubungi Biro itu dan untuk menyampaikan pengaduan-pengaduan mereka untuk tindakan Biro itu. Maka selaras dengan langkah itu, saya berharap juga bahawa Pejabat Biro Pengaduan Awam di Jalan Chow Kit itu akan berupaya dan dapat menambahkan kakitangan sepenuh masa (full time staff) yang secukupnya bagi melayani aduan orang ramai di samping menjalankan tugas Biro itu oleh kerana saya merasa bahawa selepas telah berpindah ke luar maka bilangan orang ramai yang hendak sampaikan aduan kepada Biro itupun telah bertambah. Maka oleh yang demikian, maka adalah perlu supaya ada cukup kakitangan sepenuh masa untuk melayani si pengadu.

Adalah juga menjadi harapan saya bahawa Biro Pengaduan Awam akan mampu membuka pejabat-pejabat yang serupa di setiap negeri bagi memastikan ianya mudah untuk dihubungi oleh orang ramai yang ingin membuat aduan. Untuk kawasan-kawasan luar bandar Pejabat Biro Bergerak atau 'Mobile Offices' boleh disediakan untuk memberi perkhidmatan kepada penduduk-penduduk kampung-kampung tetapi saya khuatir sama ada ini boleh dilaksanakan memandangkan peruntukan yang terhad kepada Biro Pengaduan Awam. Tetapi walau bagaimanapun, saya berharap bahawa syor-syor yang disampaikan oleh saya ini dapat ditimbang oleh pihak Kementerian berkenaan dan Kerajaan dengan tujuan untuk mencari ikhtiar bagi tujuan meningkatkan perkhidmatan Biro Pengaduan Awam kepada orang ramai.

Walaupun diakui bahawa Biro Pengaduan Awam memainkan satu peranan yang berguna sebagai saluran penghubung untuk melayani aduan-aduan orang ramai berhubung dengan ketidakcekapan perkhidmatan awam atau kesusahan-kesusahan yang timbul dalam perkhidmatan Kerajaan tetapi apa yang mesti dilaksanakan menurut pandangan saya ialah memberi lebih banyak kuasa atau, dengan izin, to give more teeth to the Bureau, dan juga memperluaskan bidang tugasnya kepada badan ini untuk menjadikan lebih berkesan dalam melayani aduan-aduan yang dikemukakan kepada jabatan atau agensi yang berkenaan untuk mencari penyelesaian.

Saya membuat syor ini kerana fungsi Biro ini dalam rupa sekarang ialah hanya bertindak sebagai penyalur pengaduan-pengaduan orang ramai sahaja dan di samping itu menganalisa dan mengenalpasti masalah yang diikuti dengan tindakan menyalurkan atau dirujuk kepada jabatan yang berkenaan, sambil meminta jabatan-jabatan itu memberi ataupun mencari satu penyelesaian kepada masalah ataupun aduan-aduan yang dirujuk kepada Biro Pengaduan Awam kepada agensi-agensi Kerajaan itu. Akan tetapi Biro Pengaduan Awam nampaknya tidak diberikan kuasa-kuasa (to be given more teeth) bagi mengarahkan sesuatu jabatan atau agensi Kerajaan yang berkenaan yang mana sesuatu aduan dikemukakan mesti mencari penyelesaian kepada masalah-masalah itu.

Biro Pengaduan Awam nampaknya lebih merupakan badan penyalur aduan daripada merupakan badan penyelesai aduan. Sungguhpun saya akui ada banyak aduan-aduan yang dapat diatasi melalui Biro Pengaduan Awam, akan tetapi masih ada banyak lagi masalah yang tidak dapat diatasi, kerana nampaknya Biro ini tidak diberi cukup kuasa, tidak diberi 'enough

teeth' untuk memastikan bahawa setiap aduan itu hendaklah diberi satu jawapan ataupun penyelesaian.

Tuan Pengerusi, sekarang saya ingin menyentuh satu perkara yang lain dalam perbahasan saya iaitu mengenai 4 (b) dalam muka surat 55, Maksud Bekalan 7, Jabatan Perdana Menteri (4) Keselamatan Negara tentang Pasukan Petugas Anti Dadah. Tuan Pengerusi, saya mengalu-alukan penubuhan satu Pasukan Petugas Anti Dadah di bawah Jabatan Perdana Menteri. Sebenarnya, saya pernah pada tahun 1981, saya pernah menyuarakan pada masa itu bahawa pihak Kerajaan patutlah menubuhkan satu unit Anti Dadah yang diletak di bawah Jabatan Perdana Menteri bagi menyelaraskan kegiatan semua Kementerian-kementerian yang ada kaitan dalam memerangi ancaman dadah. Dengan terbentuknya Pasukan Petugas Anti Dadah ini maka semakin mudah penyelarasan untuk memerangi masalah dadah dan mengurangi ancamannya.

Pada masa ini terdapat lebih daripada 89,000 penagih dadah di seluruh negara dan oleh kerana masalah ini semakin buruk maka kita semua insaf bahawa masalah ini hendaklah diselesaikan secepat mungkin dan diberikan perhatian utama. Meskipun pindaan kepada Akta Dadah Merbahaya yang memperuntukkan hukuman mati kepada mereka yang mengedar 15 gm dadah, heroin atau morphine tetapi nampaknya masalah pengedaran dadah masih terus berlaku. Saya rasa bahawa tindakan lebih keras dan tegas perlulah diambil. Saya suka mencadangkan agar Pasukan Petugas Anti Dadah ini dapat meneliti di samping lain-lain perkara tentang adanya undang-undang yang bertujuan merampas harta-benda kepunyaan pengedar-pengedar dadah dan pembekal kerana merekalah punca utama masalah ini. Dan di samping ini

saya juga mengesyorkan bahawa lebih banyak peruntukan hendaklah disediakan bagi menjayakan semua program-program anti dadah dan ini meliputi penubuhan lebih banyak pusat-pusat pemulihan.

Tuan Pengerusi, yang akhirnya saya ingin merujuk kepada perkara yang sama iaitu Maksud Bekalan 7—Program (3) iaitu tentang Yunit Penyelarasan Pelaksanaan.

Berhubung dengan unit Penyelarasan Pelaksanaan di Jabatan Perdana Menteri, saya ingin bercakap tentang tanggungjawab moral Kerajaan kepada rakyat yang menerima kesan atau akibat daripada pembangunan.

Kerajaan hendaklah menganggap ini sebagai tanggungjawab moralnya untuk menjaga dan membela khasnya menjaga kebajikan mangsa-mangsa projek pembangunan yang diluluskan oleh Kerajaan dengan tujuan memastikan bahawa pembangunan yang dijalankan tidak mengorbankan kebajikan atau kepentingan rakyat akibat dari ketidak-adilan sosial. Saya terpaksa menegaskan di sini, Tuan Pengerusi, bahawa walaupun pembangunan diperlukan tetapi ianya haruslah dijalankan tanpa mengorbankan keadilan sosial.

Meskipun Kerajaan tidak bertanggungjawab dalam projek-projek pembangunan swasta, tetapi ia mempunyai tanggungjawab untuk memastikan bahawa kebajikan umum dan kesejahteraan rakyat terpelihara dan bahawa jika ia diluluskan sesuatu projek, Kerajaan hendaklah memastikan bahawa rakyat yang menerima akibat daripada projek tersebut diberikan tempat tinggal yang baru atau sekurang-kurangnya diberikan pampasan yang cukup. Saya menyebut oleh sebab adalah menjadi tugas unit ini untuk menjalankan kajian tentang berbagai-bagai masalah

setinggalan sosio-ekonomi di negara ini dan ini adalah termasuk masalah setinggalan dan juga termasuk kawasan-kawasan yang mundur yang hendak dibangunkan.

Pada masa-masa yang lalu, terdapat banyak contoh yang mana rakyat yang terlibat dengan projek pembangunan yang diluluskan oleh Kerajaan telah diminta keluar atau diusir tanpa diberikan tempat tinggal baru atau dibayar pampasan yang cukup.

Misalnya, setinggalan yang tinggal di atas tanah yang dibeli oleh pemaju-pemaju biasanya mendapati diri mereka menjadi mangsa keadaan kerana menghadapi masalah tempat tinggal baru atau bayaran ganti-rugi yang tidak mencukupi.

Setinggalan-setinggalan ini biasanya menderita kerana mempunyai keluarga yang besar dan menghadapi masalah untuk mendapatkan tempat tinggal baru.

Apabila mereka meminta pihak Kerajaan untuk mendapatkan tempat penginapan yang baru, mereka diberitahu bahawa mereka ialah setinggalan yang tinggal di atas tanah persendirian dan oleh hal yang demikian mereka tidak layak untuk mendapat rumah. Akan tetapi tidak dapat dinafikan bahawa oleh kerana pembangunan, mereka terpaksa juga mengosongkan tanah dan rumah yang diduduki itu.

Tuan Pengerusi, inilah masalah yang saya ingin menarik perhatian Kerajaan. Demi pembangunan, setinggalan terpaksa diusir keluar tetapi mereka tidak berupaya untuk mendapatkan satu penyelesaian yang adil dan saksama kepada masalah pengusiran mereka.

Untuk memberikan keadilan kepada golongan rakyat yang miskin dan berpendapatan rendah, saya mencadangkan bahawa Jabatan Perdana Menteri hendaklah

menimbang dan meneliti penubuhan sebuah Suruhanjaya Timbang-tara yang bertindak sebagai orang tengah antara pemaju dan setinggalan-setinggalan yang berkenaan, bagi memastikan bahawa perjanjian mengenai bayaran pampasan yang cukup atau pengganti dengan rumah baru hendaklah diperolehi terlebih dahulu sebelum tindakan meroboh dijalankan.

Saya juga suka mengesyorkan di sini bahawa Kerajaan hendaklah berlaku adil dan saksama kepada mangsa-mangsa pembangunan tersebut dan mengambil langkah-langkah yang berikut:

- (1) Sebagai satu tanggungjawab moralnya memberi keutamaan kepada permohonan-permohonan untuk rumah kos rendah Kerajaan yang dibuat oleh pemohon-pemohon yang terlibat dengan projek pembangunan.
- (2) Memastikan bahawa mangsa-mangsa projek pembangunan dibayar ganti-rugi secukupnya oleh pemaju-pemaju sebagai satu perkara keadilan.

Saya rasa bahawa tanggungjawab ini ataupun tugas ini dapat dijalankan dengan pembentukan satu Suruhanjaya Timbang-tara yang memainkan peranan sebagai orang tengah untuk mengadilkan kes-kes yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang Dipertua, itulah pandangan saya yang saya hendak kemukakan pada petang ini dalam perbahasan saya terhadap Maksud Bekalan 7 di bawah Jabatan Perdana Menteri. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Labis.

4.42 ptg.

Tuan Bahari bin Harun (Labis): Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada muka surat 55, Maksud Bekalan B. 7,

Butiran 1100, Program (4) (b), Keselamatan Negara, Pasukan Petugas Anti Dadah.

Tuan Pengerusi, masalah penyalahgunaan dadah ini nampaknya telah menjadi satu masalah yang masih belum dapat dikurangkan lagi, malahan segala usaha-usaha yang telah dijalankan tidak memberikan banyak kesan sepertimana yang diharapkan oleh pihak Kerajaan, dan sambutan dingin daripada pihak swasta. Saya rasa dalam hal ini seharusnya kita mencari jalan supaya ianya dapat diubah dan supaya semua program-program di dalam rancangan pembasmian penyalahgunaan dadah ini akan mendapat kejayaan. Di dalam hal ini, sukaiah saya mengesyorkan supaya pihak Kerajaan dapat memberikan pertimbangan di atas pengecualian Cukai Pendapatan di atas perbelanjaan-perbelanjaan yang dikeluarkan oleh pihak Swasta sama ada perbelanjaan-perbelanjaan itu merupakan perbelanjaan-perbelanjaan terus-menerus (direct expenses), misalnya derma-derma dan bantuan-bantuan yang diberikan kepada Pusat-pusat Pemulihan Dadah dan juga perbelanjaan-perbelanjaan tidak terus-menerus (indirect expenses) seperti perbelanjaan-perbelanjaan di dalam kempen-kempen yang dijalankan oleh pihak swasta dan juga pihak-pihak individu yang bersimpati di dalam soal pembasmian penyalahgunaan dadah.

Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada muka surat 74, Maksud Pembangunan P. 7, Butiran 6 Perbadanan Nasional Berhad (PERNAS).

Saya ingin mengucapkan berbanyak terima kasih dan tahniah kepada pihak PERNAS yang telah dapat menjalankan berbagai-bagai program selaras dengan dasar-dasar Kerajaan. Apa yang paling ketara sekali di dalam tugas-tugas PERNAS ini ialah hasrat dan tujuan PERNAS untuk

menggalakkan pemasaran barangan kita keluar negeri, misalnya kesanggupan pihak PERNAS mengendalikan rombongan-rombongan keluar negeri seperti Canton Trade Fair misalnya. Ini sudah tentulah akan memberi peluang kepada peniaga-peniaga kita untuk mengkaji dan mencari pasaran-pasaran baharu untuk barangan-barangan yang dapat kita eksport keluar negeri. Tetapi apa yang malangnya ialah oleh kerana pertunjukan perdagangan seumpama ini biasanya adalah merupakan pertunjukan-pertunjukan yang popular sehingga perlu disekat peserta-peserta yang dapat menyertai pertunjukan-pertunjukan seperti ini. Saya rasa dalam hal ini perlulah pihak PERNAS sendiri mengkaji semula supaya PERNAS dapat mengadakan lebih banyak lagi tempat bagi peniaga-peniaga dan pedagang-pedagang negara ini yang berhajat dan berhasrat untuk mengkaji dan mencari ataupun menambah lagi pasaran bagi barangan-barangan yang dikeluarkan oleh mereka.

Tuan Pengerusi, di muka surat yang sama, Butiran 16 Lembaga Urusan dan Tabung Haji. Kebelakangan ini banyak pihak telah mendakwa dan setengah-setengahnya telah mengeluarkan bukti-bukti yang menunjukkan bahawa perbelanjaan untuk pergi ke Mekah melalui Lembaga Urusan dan Tabung Haji ini lebih tinggi daripada perbelanjaan kalau dibuat melalui syarikat agensi-agensi penerbangan swasta misalnya. Kalau ini betul, saya rasa perlulah pihak LUTH mengkaji semula oleh kerana tidak lama lagi sebagaimana kita semua tahu Lembaga Urusan dan Tabung Haji akan menjadi satu badan monopoli yang akan memonopoli semua perjalanan-perjalanan jemaah haji ke Mekah. Jadi, peluang bagi agensi-agensi swasta untuk mengendalikan perjalanan jemaah haji ke Mekah adalah tertutup. Apa yang kita sangsiakan biasanya apabila terjadi

monopoli sesuatu perniagaan itu quality ataupun mutu perkhidmatan yang dapat diberikan oleh sesuatu badan itu akan menurun. Jadi, apa yang saya harapkan ialah semoga pihak Lembaga Urusan dan Tabung Haji akan memastikan bahawa mutu perkhidmatan yang akan diberikan oleh mereka yang menjadi monopoli ataupun memegang monopoli terhadap perjalanan bakal-bakal haji itu tidak akan menurun.

Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada Butiran 12 di muka surat yang sama MISC (Malaysia International Shipping Corporation) di mana saya telah diberitahu bahawa terdapat masih ramai lagi pekerja-pekerja yang menganggotai MISC terdiri daripada pekerja-pekerja luar negeri. Kalau sekiranya keperluan kita mengambil pekerja-pekerja dari luar negeri itu disebabkan oleh ketiadaan orang-orang tempatan maka ini adalah satu perkara yang tidak boleh kita mengenakan apa-apa sekatan kepada pihak MISC. Tetapi apa yang ditimbulkan ialah bahawa ada kedapatan setengah-setengah jenis-jenis pekerjaan yang mana anak-anak tempatan sendiri dapat mengendalikan. Dan yang malang lagi ialah apabila orang-orang asing itu diambil bekerja oleh pihak MISC, mereka diberikan gaji yang lebih daripada pekerja-pekerja tempatan, yang memegang jawatan yang sama. Jadi, saya berharap pihak MISC dapat mengkaji semula akan dasar pengambilan pekerja yang dijalankan oleh mereka. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Batang Padang.

4.49 ptg.

Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim (Batang Padang): Tuan Pengerusi, saya suka mengambil bahagian dalam membahas

peruntukan bagi Parlimen iaitu di bawah Kepala B. 1, Butiran 1200, Elaun Tetap perbelanjaan sebanyak \$8,297,800 di mukasurat 31.

Di bawah perkara ini Jabatan Perkhidmatan Awam telah mengeluarkan surat pekeliling iaitu Pekeliling ' Perkhidmatan 11/75 berkaitan dengan elaun-elaun bagi perkhidmatan Jurubahasa dan Penterjemah di Parlimen ini yang mana mereka berasa didiskriminasikan oleh pihak Kerajaan iaitu dalam pekeliling di antara lain ada memperuntukkan supaya Jurubahasa dan Penterjemah dibayar elaun sebanyak \$30 sebulan berkuatkuasa mulai 1-1-74. Pekeliling ini kemudiannya telah dipinda dengan memasukkan elaun tersebut sebagai elaun khas berpcencen iaitu Pekeliling Perkhidmatan 14/76, saya percaya elaun ini telah dibayar kepada semua Jurubahasa dan Penterjemah di semua Kementerian dan Jabatan Kerajaan termasuk di Mahkamah, Jabatan Peguam Negara dan lain-lain. Mulai tarikh berkuatkuasa pekeliling yang berkenaan tetapi sepertimana telah saya diberitahu bahawa Penterjemah-penterjemah Melayu di Jabatan Parlimen tidak pernah dibayar dengan elaun sedemikian walaupun rakan-rakan sejawat mereka telah menikmati elaun ini hampir sepuluh tahun.

Saya rasa ini adalah satu diskriminasi dalam memberikan kemudahan kepada kakitangan Parlimen yang berkenaan. Sebagaimana saya telah juga difahamkan oleh pihak-pihak Parlimen telah berulang kali menulis kepada Jabatan Perkhidmatan Awam berkaitan dengan perkara tersebut, namun jawapan yang diberi oleh JPA adalah bahawa perkara ini masih di dalam pertimbangan lagi. Saya kurang pasti di mana silapnya perkara ini iaitu sama ada pihak Parlimen sendiri yang agak kurang mengerti isi kandungan pekeliling ini ataupun pihak JPA sengaja tidak mahu membenarkan pembayaran elaun ini kepada mereka

yang berkenaan. Jika itulah kedudukan perkara ini amatlah mendukacitakan kerana terdapat rasa tidak puas hati di kalangan Penterjemah Melayu di dalam perkhidmatan Parlimen walaupun perkhidmatan mereka telah digolongkan dalam perkhidmatan Jurubahasa/Penterjemah kerana mereka sendiri merasa mereka telah dianaktirikan dalam hal ini.

Tuan Pengerusi, oleh yang demikian saya berharap pihak-pihak berkenaan dapat menyelesaikan perkara ini dengan segera kerana telah berlarutan hingga hampir 10 tahun sejak dikeluarkan pekeliling yang berkenaan. Di dalam menyelesaikan perkara ini saya berharap Penterjemah-penterjemah di Jabatan Parlimen ini akan berasa lapang dan akan menjalankan tugas dengan lebih baik, sempurna dan cekap sebagaimana kata Ahli Yang Berhormat dari Batu Pahat tadi mengucapkan tahniah kepada pihak Parlimen, kepada pihak Pengerusi yang menjalankan tugas-tugas dengan begitu cekap, aturan-aturan urusan mesyuarat disediakan dengan beres, Penyata Rasmi Parlimen, demikian juga, penterjemahan ulasan selari kita yang bersidang pada tiap-tiap hari.

Tuan Pengerusi, saya mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada tiap-tiap hari Jumaat sidang Parlimen ini dimulakan pukul 3.00 petang iaitu memberi peluang kepada Ahli-ahli Parlimen yang beragama Islam bersembahyang dan bertukar pakaian dan sebagainya sehingga dapat menunaikan yang dituntuti oleh Allah dan akhirnya mereka datang ke Parlimen ini. Saya berharap tiap-tiap hari persidangan, jam 4.00 petang lebih agar diberi rehat selama 15 minit untuk menghormati dan memberi peluang kepada Ahli-ahli Parlimen ini pergi sembahyang Asar.

Tuan Pengerusi: Sekarang mereka tidak dapat peluang pergi sembahyang?

Tuan Haji Azharul Abidin bin Zainal Abidin: Dapat peluang. Tetapi kerana menghormati dan menegaskan penerapan Islam itu di Parlimenlah kita tunjukkan, sekarang bergema di Parlimen Malaysia, “ada rehat untuk sembahyang”. Sekiranya datang tetamu dari Indonesia melawat, BPR Indonesia duduk di belakang, “wah duh! bagus sekali Malaysia, ada rehat untuk bersembahyang”.

Di bawah Kepala B. 7 Jabatan Perdana Menteri—Butiran 1100, Gaji dan Upahan, Program 5—Pentadbiran Agama Islam, muka surat 57. Tuan Pengerusi, dalam konsep menerapkan agama Islam, ceramah adalah memainkan peranan terpenting untuk tujuan ini. Penceramah-penceramah yang berkelibar dan berkebolehan serta yang diminati hendaknya dipergunakan bagi mencapai tujuan tersebut. Tetapi nampaknya di akhir-akhir ini seolah-olah terdapat satu corak kongkongan yang menyekat dan menghalang tugas para penceramah dari memberikan ceramah mereka sehingga ada di antara para penceramah agama yang tidak berani untuk memperkatakan yang benar. Takut untuk dikenakan tindakan tatatertib di atas dasar ini ada pula penceramah yang terus menarik diri dari gelanggang ceramah. Andainya prinsip seperti ini diamalkan oleh pihak-pihak yang berkenaan yang terlibat dengan soal-soal agama seperti Jabatan-jabatan Agama Negeri-negeri mahupun Pusat Islam di Kuala Lumpur maka ini bererti nilai Islam tidak akan dapat diserapkan. Dipohonkan mendapat pertimbangan dan difikirkan serta membuat pengkajian.

Tuan Pengerusi, adakah pihak Kerajaan sedar yang masalah peminuman arak, tarian dansa di kalangan tentera dan polis masih berleluasa, masih dijadikan syarat naik

pangkat. Saya merasa hairan mengapa adat dan tradisi seperti ini, seperti penjajah masih lagi dilaksana di negara kita ini. Saya mencadangkan minuman arak diharamkan di kalangan angkatan tentera, di kalangan polis kita kerana perbuatan seumpama ini adalah satu trajidi yang boleh merosakkan mereka. Kekalahan Amerika di Vietnam adalah disebabkan mereka telah rosak akal dan otak mereka akibat arak dan dadah.

Tuan Pengerusi, berhubung dengan syiar Islam yang patut saya sentuh di sini ialah berkenaan dengan pencemaran terhadap kesucian agama. Sebagai contoh baru-baru ini saya pergi ke Masjid Negara menunaikan sembahyang, apa yang saya dapati yang paling mendukacitakan saya dan mungkin umat Islam yang lainnya apabila saya terpandang ramai para pelawat yang bukan beragama Islam melawat Masjid Negara yang suci lagi agung dengan cara memakai pakaian hampir mendedahkan aurat dan dengan nada suara yang bising yang boleh mengganggu ketenteraman umat Islam yang bersembahyang. Ini seolah-olah Masjid Negara telah dijadikan tempat pelancongan tanpa menghiraukan kesucian Masjid dan kemuliaannya. Adalah kurang manis jika Masjid Negara tempat yang termulia ibadat itu dicemari dengan telatah-telatah dan gelagat-gelagat manusia yang kurang disenangi. Adalah dicadangkan supaya Masjid Negara yang begitu indah dan mulia itu tidak dijadikan sebagai tempat pelancongan atau sekurang-kurangnya dilarang orang yang bukan beragama Islam memasuki ke dalam bangunan tersebut.

Menyentuh tentang Masjid Negara juga apa yang saya dapati hanya amempunyai dua orang Imam sahaja. Saya berharap kepada pihak Jabatan Perdana Menteri menambahkan lagi

Imam, bahkan di kampung-kampung pun mempunyai dua orang Imam dan Kiai.

Selain daripada itu pelancong-pelancong itu ada wanita-wanitanya yang memakai gaun, memakai skirt dan pakai seluar pendek naik ke Masjid ini. Pada masa dahulu mereka memakai jubah yang disediakan oleh pihak Masjid di bahagian bawah. Pada hari ini mereka telah naik dengan lantang begitu sahaja memakai pakaian apa yang ada pada mereka. Saya teringat bahawa orang-orang perempuan Islam hendak masuk ke Masjid pun tidak boleh sekiranya mereka datang uzur. Tetapi orang-orang kafir, orang-orang yang bukan Islam mana kita tahu mereka uzur atau tidak terus masuk. Inilah yang mendukacitakan saya, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Patut kita tanya uzur atau tidak?

Tuan Haji Azharul Abidin bin Zainal Abidin: Tuan Pengerusi, menyentuh isu semasa yang berkaitan dengan soal haram-halal, saya mencadangkan supaya pihak Kerajaan berdiri tegas supaya masyarakat tidak terceburlah ke dalam sesuatu yang mencurigakan iaitu isu ASN masih dipertikaikan lagi sehingga ke hari ini. Apakah ianya haram atau sebaliknya. Kerajaan hendaklah mengisytiharkan hukumnya berdasarkan fatwa para Mufti mengenainya supaya kekeliruan yang timbul akan hilang. selagi perkara ini dirahsiakan, maka saya yakin selama ini akan jadi tandatanya. Begitu juga tentang hal-hal yang lain yang ada kaitan dengan soal haram-halal. Hendaklah diserahkan kepada pihak Mufti terlebih dahulu untuk membuat fatwanya sebelum diserahkan kepada masyarakat mengamalkannya.

Tuan Pengerusi, dalam usaha dan langkah-langkah Kerajaan hendak menerapkan nilai-nilai Islam ke dalam pentadbiran Kerajaan sekarang,

banyak perkara telah dilakukan oleh Kerajaan dan mendapat perhatian yang bukan sahaja disanjung oleh rakyat yang beragama Islam malah yang bukan beragama Islam juga menyokong usaha itu, kerana perkara-perkara itu adalah merupakan amalan baik dan berfaedah dari segi kehidupan dunia mahupun akhirat.

Tuan Pengerusi, sebagai contoh saya nyatakan di sini mengenai Kempen Kebersihan yang telah dianjurkan oleh Kerajaan sekarang. Kebersihan adalah suatu nilai yang paling tinggi yang dikehendaki oleh agama. Sekarang Kempen Kebersihan disambut baik dengan penuh semangat oleh seluruh rakyat di negara ini. Saya adalah di antara rakyat yang menyanjung tinggi dan mengucapkan tahniah kepada pucuk pimpinan yang telah menyedari perkara ini.

Tuan Pengerusi, satu perkara yang saya fikir amat baik dan patut Kerajaan serapkan seberapa segera sekarang ialah mengenai Hari Kelepasan Mingguan. Di dalam Islam, hari Jumaat ialah penghulu segala hari. Di negara Islam seluruh dunia hari Jumaat adalah dijadikan Hari Kelepasan Mingguan. Di negara kita juga ada separuh negeri yang menjadikan hari Jumaat sebagai hari Kelepasan, tetapi malangnya pada amnya negara kita masih menggunakan hari Ahad sebagai Hari Kelepasan Am.

Tuan Pengerusi, kalau perkara-perkara yang lebih berat dari itu seperti Universiti Islam, Bank Islam, Insuran Islam ataupun akan datang Pajak Gadaai Islam boleh kita lakukan, kerana apa hari kelepasan hari Jumaat ini masih lagi diragu-ragukan. Kerajaan hendaklah melaksanakannya. Saya berpendapat sudah sampailah masanya Kerajaan patutlah memulakan usaha menjadikan hari Jumaat sebagai hari kelepasan dan kalau ini dapat dilaksanakan maka sesungguhnya Kerajaan telah melakukan satu usaha

yang benar-benar berkesan dan berani serta berfaedah dengan ajaran Islam sejati.

Saya ingin tahu apa pendirian pihak Kerajaan mengenai isu sembahyang Jumaat di mana kita dapati Pejabat-pejabat Pos masih lagi ada orang-orang Islam di dalam pejabat-pejabat itu bertugas. Masih ada terdapat sektor swasta yang menegah pekerja-pekerjanya daripada mengerjakan sembahyang Jumaat, Tuan Pengerusi. Siapakah yang akan menanggung dosanya dalam perkara ini? Oleh itu saya berharap pihak Kerajaan akan dapat menyediakan laporan lengkap mengenai perkara ini dan mengambil tindakan segera untuk mengatasinya.

Tuan Pengerusi, akhirnya saya menyokong butiran-butiran yang telah saya sebutkan tadi. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Kota Melaka.

5.03 ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Kota Melaka): Tuan Pengerusi, saya menyentuh Maksud B. 1 Parlimen dan juga Maksud B. 7 Butiran 1100, Program (1) (b) Kabinet.

Tuan Pengerusi, saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan dan juga Menteri-menteri yang lain atas prestasi atau ketiadaan prestasi Parlimen yang cemerlang yang ditonjolkan oleh mereka ketika menggulung perbahasan ke atas Belanjawan tahun 1984 yang telah berlangsung selama 2 minggu ini kerana mereka telah memperkecilkan kemuliaan dan maksud tujuan Parlimen.

Semasa perbahasan ke atas Belanjawan, saya telah berucap lebih sejam mengenai skandal pinjaman \$2,500 juta Bumiputra Malaysia Finance di Hong Kong kerana

keseluruhannya peristiwa atau sangka buruk tersebut telah menggambarkan bukan sahaja kelalaian dan ketiadaan tanggungjawab pengarah-pengarah dan pegawai-pegawai BMF dan juga pengarah-pengarah Bank Bumiputra, ia juga telah menggambarkan ketiadaan tanggungjawab dan kelalaian berbagai-bagai badan penyeliaan yang lain yang sepatutnya menyelia Bank Bumiputra dan BMF seperti Bank Negara, Kementerian Kewangan, Jabatan Perdana Menteri, Permodalan Nasional Berhad, Pendaftar Syarikat, auditor-auditor dalam dan luar malah seluruh Jemaah Kabinet.

Malah beberapa orang Ahli Parlimen UMNO telah berani melahirkan rasa pandang berat yang dirasakan oleh 14 juta rakyat Malaysia mengenai enormity skandal pinjaman BMF tersebut yang merupakan krisis bank dan kewangan yang paling besar yang pernah berlaku di Malaysia. Akan tetapi, tidak ada seorang Ahli Parlimen MCA yang berani mengeluarkan sepatah kata mengenai BMF mungkin kerana takut kehilangan "favour" pemimpin-pemimpin UMNO. Tetapi tidak seorang Menteri pun yang menyentuh atau merujuk kepada skandal BMF tersebut ketika mereka menggulung perbahasan ke atas Belanjawan 1984. Saya tidak tahu sama ada ini berlaku kerana masih terdapat kekeliruan tentang siapakah Menteri yang sebenarnya bertanggungjawab atas Bank Bumiputra, sama ada Jabatan Perdana Menteri atau Kementerian Kewangan dan disebabkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita sedang melawat Jepun sekali lagi, tidak seorang Menteri pun yang berani memutuskan siapakah yang sebenarnya bertanggungjawab atas Bank Bumiputra untuk memberi satu jawapan di Dewan yang mulia ini. Namun demikian, saya dapati prestasi Kabinet di dalam jawapan-jawapan Belanjawan sebagai paling buruk di

dalam sejarah Parlimen kerana dengan mengelakkan sesuatu perkara yang telah menyerap perhatian setiap rakyat Malaysia, Kabinet telah menghina dan memperkecilkan Dewan yang mulia ini.

Hanya semalam akhbar-akhbar tempatan telah melaporkan bahawa 2 syarikat besar Carrian iaitu Carrian Investment dan Carrian Holdings akan ditutup. Ini bermakna bahawa BMF juga akan terpaksa ditutup kerana pinjaman-pinjaman yang telah dikeluarkan oleh BMF kepada Carrian adalah hampir-hampir \$2,000 juta! Ini mungkin juga menyebabkan penutupan syarikat induknya, Bank Bumiputra, melainkan jika Parlimen sekali lagi menyuntik kira-kira \$2,000-\$2,500 juta untuk menyelamatkan Bank Bumiputra.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bercakap atas Butiran apa ini?

Tuan Lim Kit Siang: Parlimen dan Kabinet, mengenai fungsi dan peranan Parlimen. Saya tidak mahu cakap panjang lebar mengenai BMF tetapi untuk menunjukkan satu perkara yang begitu penting telah diketepikan dalam Parlimen dan apa tujuan Parlimen; itulah sebab saya sebut. Saya sudah bercakap lebih sejam berkenaan BMF dan saya tidak mahu satu perbahasan pada masa ini.

Tuan Pengerusi: Telah banyak kali Yang Berhormat timbulkan perkara ini.

Tuan Lim Kit Siang: Oleh kerana \$2,500 juta yang terlibat, satu juta kali pun patut ditimbulkan. Itu lain tempat, bukan di sini. Bolehkah saya teruskan?

Tuan Pengerusi: Ya, jangan terlampau detail.

Tuan Lim Kit Siang: Tidak. Ini mungkin juga menyebabkan penutupan syarikat induknya, Bank Bumiputra, melainkan jika Parlimen sekali lagi menyuntik kira-kira \$2,000—\$2,500

juta untuk menyelamatkan Bank Bumiputra, seperti juga Parlimen terpaksa menyuntik \$150 juta dalam tahun 1980 untuk menyelamatkan Bank Rakyat daripada menjadi bankrap.

Masanya telah tiba bagi Parlimen untuk mengkaji semula peranan dan fungsinya di dalam proses politik, sama ada ia adalah Badan Perundangan dan perbincangan yang tertinggi sekali atau sebagai hanya suatu cabang, satu department Kerajaan. Jika ia merupakan Badan Parundangan dan perbincangan yang tertinggi di negara ini, isu-isu nasional yang paling penting patut dibangkitkan di dalam Dewan ini, dan di mana Kerajaan datang untuk memberi satu accounting dan bukan diabaikan seolah-olah ianya tidak wujud.

Semenjak pembukaan persidangan Belanjawan pada 10hb Oktober, Dewan ini telah memilih untuk mengabaikan dua krisis nasional yang amat mengganggu iaitu krisis BMF dan krisis Perlembagaan akibat Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 1983 yang diluluskan oleh kedua-dua Dewan pada bulan Julai dan Ogos tahun ini. Akibatnya status kedudukan Parlimen di kacamata orang ramai tidak pernah begitu rendah. Ini adalah kerana bukan sahaja mementaskan satu di sini pertunjukkan wayang kulit dengan tidak menghiraukan maksud sebenarnya Rang Undang-undang dan isu-isu yang terlibat tetapi baru-baru ini nampaknya kita dengan izin, telah di transported kepada "cuckoo land" dan diasingkan secara langsung daripada realiti-realiti sekeliling kita.

Semenjak 10hb Oktober kesemua Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional nampaknya lebih berminat berkumpul di luar Dewan untuk mengetahui perkembangan terbaharu mengenai kedua-dua isu krisis kebangsaan kita

ini iaitu krisis Perlembagaan dan BMF dan akibatnya mewujudkan tidak cukup korum di Dewan pada hari Khamis lepas. Akan tetapi di dalam Dewan ini semua Ahli-ahli Dewan khususnya Front-benchers berpura-pura seolah-olah kedua-dua krisis tidak wujud.

Pada 11hb Oktober saya telah cuba memohon untuk menengguhan Dewan ini untuk membincang satu perkara tertentu berkenaan dengan kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan untuk membincang krisis Perlembagaan. Walau bagaimanapun, dalam jawapan sehari sebelum itu, pada 10hb Oktober Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyatakan beliau tidak sedar akan sebarang krisis Perlembagaan di negara ini. Parlimen akan menjadi tidak relevan sama sekali jika badan-badan lain dari Parlimen, pemuda UMNO, Wanita UMNO dan lain-lain badan membangkitkan soalan-soalan yang mendesak walhal Parlimen bersikap acuh tidak acuh terhadapnya.

Dalam perkara krisis Perlembagaan, Parlimen mempunyai satu tanggungjawab yang sama besar seperti orang-orang lain untuk membincang dan mencari jalan untuk mengatasinya kerana perkara yang telah mencetuskan krisis ini adalah sikap majoriti Parlimen yang kurang sensitif terhadap perkara ini.

Saya berharap bahawa kita tidak akan lagi berpura-pura di Dewan ini bahawa satu krisis Perlembagaan tidak wujud. Malah Yang Teramat Mulia Perdana Menteri Malaysia yang pertama, Tunku Abdul Rahman telah mengakui kewujudan krisis ini dan dalam rencana mingguan di dalam akhbar *The Star* baru-baru ini beliau ada menulis bahawa satu krisis ada timbul khasnya di kalangan orang Melayu, dengan izin, "a torn between their loyalty to the Rulers and to

UMNO". Dan inilah akibatnya daripada percubaan untuk meminda Perlembagaan khasnya mengenai 15 hari Royal Assent rule dan beliau ada berpendapat bahawa ini adalah satu tindakan yang sangat drastic yang menimbulkan kekuatiran, ketakutan di kalangan Raja-raja dan mereka yang menyokong Constitutional Monarchy.

Apa yang paling dahsyat sekali ialah bahawa terdapat beberapa Menteri UMNO yang menjelajah ke seluruh negara dan menuduh DAP sebagai menentang Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) tersebut oleh kerana DAP tidak mahu 22 kawasan pilihanraya baru diwujudkan. Malah seorang lagi pemimpin UMNO telah menuduh DAP sebagai mahu memecah-belahkan perpaduan orang-orang Melayu. DAP telah memberikan sebab-sebab mengapa ia membantah Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) itu dengan jelasnya. Rang Undang-undang tersebut adalah tidak berperlembagaan, oleh kerana ia menjejaskan keistimewaan kedudukan darjat atau kemuliaan Raja-raja dan di bawah Perkara 38 (4) tidak boleh dibentang dan diluluskan oleh Parlimen tanpa persetujuan sebelumnya oleh Majlis Raja-raja.

Saya juga telah mengingatkan Kerajaan akan krisis Perlembagaan mungkin timbul jika Raja-raja tidak menandatangani Rang Undang-undang atas alasan yang sah dari segi Perlembagaan bahawa Rang Undang-undang tersebut tidak ada mamatuhi kehendak-kehendak yang temaktub di dalam Perlembagaan.

Saya harap Menteri-menteri UMNO tidak akan cuba memutar belitkan keseluruhan isu-isu itu untuk melepaskan diri daripada kerumitan itu yang adalah perbuatan mereka sendiri. Bagi pihak kami daripada DAP kami tidak mahu krisis Perlembagaan tersebut terus berlarutan sehingga terbengkalai jentera Kerajaan. Seperti dikatakan

dengan tepatnya oleh Tunku di dalam rencananya bahawa di bawah Perkara 3 Perlembagaan UMNO, anggota-anggota UMNO hendaklah bersumpah untuk menegakkan kemuliaan, kehormatan dan kedudukan Raja-raja. Jadi bagaimanakah pemuda-pemuda UMNO di dalam perhimpunan umum mereka yang diadakan di Dewan Sivik Petaling Jaya pada 4hb November menyuarakan sokongan penuh mereka terhadap Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan), 1983.

Dengan tujuan menolong mengatasi krisis Perlembagaan sekarang, saya mencadangkan supaya Kerajaan menarik balik Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 1983 yang telah diluluskan oleh kedua-dua Dewan yang mulia ini pada bulan Julai dan Ogos lalu serta membentangkan semula satu Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 1983 yang baru dengan digugurkan cadangan pindaan-pindaan kepada Perkara 66 (5) dan Perkara 150. Dengan berbuat demikian pindaan-pindaan untuk menambahkan bilangan kerusi-kerusi dan lain-lain pindaan dapat dikuatkuasakan.

Oleh kerana cadangan pindaan-pindaan kepada Perkara 66 (5) dan Perkara 150 menjejaskan hak-hak istimewa, kedudukan, darjat dan kehormatan Raja-raja ia sepatutnya menerima persetujuan Majlis Raja-raja terlebih dahulu sebelum ianya dibawa ke Dewan ini.

Menteri Penerangan (Datuk Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam):Tuan Pengerusi, saya minta penjelasan.

Tuan Lim Kit Siang: Ah, seorang di antara Menteri-menteri UMNO yang pergi keseluruh negara untuk memutar-belitkan orang ramai hendak bercakap di dalam Dewan ini.

Datuk Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam: Saya ingin meminta penjelasan. Yang Berhormat dari Kota Melaka membawa satu artikel daripada surat untuk membuat interprestasinya sendiri. Apakah Dewan yang mulia ini dibenarkan untuk beliau membawa satu pendapat yang belum ditest, dengan izin, di mana-mana mahkamah untuk memberi interprestasinya sendiri?

Tuan Lim Kit Siang: Di sini Yang Berhormat Menteri sekarang sudah buat satu intepretasi bukan sendiri bahawa boleh sah, intepretasi saya tidak sah. Kenapa YANG Berhormat Menteri sahaja boleh buat intepretasi? Adakah itu hak Yang Berhormat Menteri? Tentulah Yang Berhormat Menteri ada hak interpret, dan saya juga ada hak untuk interpret. Itulah tugas kita di dalam Dewan ini untuk interpret. Mahu test, pergi mahkamah test!

Datuk Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam: Tuan Pengerusi, saya rasa Dewan yang mulia ini mempunyai wibawa yang sewajarnya untuk memberikan pandangan dan pendapat yang sewajarnya dan telah pun dibuktikan dengan 2/3 lebih suara untuk menentukan pindaan ini. Dan kalau hendak dibawa interpretasi-intepretasi yang terdapat di dalam suratkhbar yang belum diduga akan memutar-belitkan orang ramai.

Tuan Lim Kit Siang: Majoriti 2/3 ada, tetapi bukan bererti bahawa dengan kelulusan majoriti 2/3 itu bahawa pindaan itu sah dari segi Perlembagaan oleh kerana ada entrenched provisions yang sebelum diluluskan perlu dahulu pergi ke Majlis Raja-raja, tidak boleh datang ke sini sebelum itu. Bacalah Constitution!

Tuan Pengerusi: Saya minta duduk dahulu.

Datuk Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam: Perkara 159, Tuan Pengerusi, menjelaskan apa-apakah fasal yang mesti dibawa kepada Conference of Rulers. Perkara 38, 63, 70, 71 152,153 dan sebagainya. Tetapi berkenaan Perkara 66 (5) di bawah Perkara 159 tidak termaktub bahawa kita mesti bawa kepada Majlis Raja-raja kerana tidak masuk dalam Perkara 159. Kalau dibaca, maaf, Tuan Pengerusi, izinkan saya.

Tuan Lim Kit Siang: Perkara 38 (4)

Datuk Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam: Nanti sekejap!

Tuan Lim Kit Siang: Perkara 38 (4), lain tidak payah baca.

Datuk Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam: Duduklah dahulu, biar saya baca Perkara 159 dahulu.

Tuan Pengerusi: Saya minta Yang Berhormat sila duduk. Sila

Datuk Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam: Perkara 159, Tuan Pengerusi, bunyinya begini

Tuan Lim Kit Siang: Tidak payah baca, buang masa.

Datuk Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam: Ada, jangan kata Yang Berhormat sahaja tidak buang masa. *(Dengan izin)*

"159 (5). A law making an amendment to Clause (4) of Article 10, any law passed thereunder, the provisions of Part III, Article 38, 63 (4), 70, 71 (1), 72 (4), 152 or 153 or to this Clause shall not be passed without the consent of the Conference of Rulers."

Tidak ada Perkara 66 (5) yang mesti dibawa kepada Conference of Rulers. Dan masalah Perkara 38 (4) is a matter of interpretation.

Tuan Lim Kit Siang: Sad case, sad case, Tuan Pengerusi. Perkara 38 (4) ada menyebut bahawa apa-apa yang sabit dengan privileges, kedudukan

Datuk Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam: Tuan Pengerusi

Tuan Lim Kit Siang: Saya belum habis. Saya tidak beri jalan. Lepas saya bercakap, mahu cakap, boleh. Perkara 38 (4) ada menyebut bahawa apa yang bersabit dengan privileges, position and sovereignty of Rulers perlu dirujuk kepada Conference of Rulers. Di mana-mana yang bersabit, bukan mahu pinda Perkara 38 (4) baru refer kepada Conference of Rulers. Lebih baik pergi dapat satu legal opinion daripada Attorney-General kerana kalau saya tidak silap, Jabatan Peguam Negara ada bantah bahawa pindaan-pindaan ini unconstitutional, bukan?

Datuk Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam: Mana Ahli Yang Berhormat tahu?

Tuan Lim Kit Siang: Saya tahu. Sebab itu Official Secrets Act mahu pinda, bukan?

Datuk Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam: Boleh saya minta penjelasan, Tuan Pengerusi?

Tuan Lim Kit Siang: Boleh teruskan—debate atas ini.

Datuk Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam: Perkara 38 (4):

“No law directly affecting the privileges, position, honours or dignities of the Rulers Conference of Rulers.”

It is a matter of interpretation, dengan izin, Tuan Pengerusi, iaitu 66 (5) boleh dikatakan procedural problem dan bukan masalah dignities of the Rulers, hanya masalah procedure kerana pada tiap-tiap hari Rabu pukul 8.30 pagi Yang Amat

Berhormat Perdana Menteri menghadap Duli Yang Maha Mulia Tuanku Yang di-Pertuan Agong untuk mendapatkan pandangan-pandangan dan juga teguran-teguran sebelum membawa semua perkara kepada Kabinet yang kemudian dibawa ke dalam Dewan ini, yang mana satu procedure yang penting by convention. Jadi 66 (5) sebenarnya hendak menunjukkan bahawa apa-apa jua tidak mendapat persetujuan di antara Raja dan rakyat yang diwakili oleh Perdana Menteri ialah dalam chambers, dalam confines of the Palace, iaitu dengan cara yang lebih terhormat. Perkara 66 (5) ini, it is ceremonial and by convention, Ruler's Assent untuk menjadikan undang-undang. Jadi masalah 38 (4), is a matter of interpretation. Adakah dengan pindaan 66 (5) ini kita menggugat kedaulatan Raja? No, it is a matter of interpretation. Jadi masalahnya sekarang Yang Berhormat hendak cuba sway the public opinion, saya agak beliau hendak siapkan ucapan ini supaya boleh serahkan kepada Press, it will be out tomorrow and create more confusion.

Tuan Lim Kit Siang: You started it, you asked for it. Tuan Pengerusi

Tuan Pengerusi: Saya minta Yang Berhormat teruskan.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, saya akan habis, benarkan saya sedikit sahaja. 66 (5) bukan procedural tetapi substantive. Kalau procedural, kalau kita buat satu pindaan tidak payah Royal Assent langsung pun boleh, procedure tidak payah. Kalau tentu tidak payah Royal Assent akan bersabit dengan 38 (4), tidak perlu Royal Assent pun sama. Dan tadi saya ada tanya bukankah benar bahawa Jabatan Peguam Negara ada objection terhadap Rang Undang-undang Perlembagaan, tetapi the objection of the Attorney General's Chambers was overridden.

Datuk Seri Mohd. Adib bin Mohd. Adam: Saya minta tarik balik itu.

Tuan Lim Kit Siang: Tidak tarik balik, mahu bawa saya under the Official Secrets Act, itu terus jalan.

Datuk Seri Mohd. Adib bin Mohd. Adam: Yang Berhormat seolah membawa perkara-perkara yang hendak membangkit

Tuan Lim Kit Siang: You started it, you asked for it and you get it.

Datuk Seri Mohd. Adib bin Mohd. Adam: Saya masih ingat—boleh saya beri penjelasan Tuan Pengerusi?

Tuan Pengerusi: Beri peluang kepada Yang Berhormat bercakap.

Tuan Lim Kit Siang: Boleh beri peluang, lepas itu saya mahu jawab.

Datuk Seri Mohd. Adib bin Mohd. Adam: Saya teringat, saya pernah membacakan satu Doctrine mengenai misuse and abuse of Parliament.

Tuan Lim Kit Siang: Saya dengar.

Datuk Seri Mohd. Adib bin Mohd. Adam: Jadi, saya hendak ingatkan balik kepada Yang Berhormat daripada Kota Melaka bagaimana Yang Berhormat mahu menggunakan Dewan yang mulia ini dengan prepared text dan habiskan text itu, kemudian serah kepada Press dan the members of press corps, dengan privilege akan menyiarkan segala pandangan-pandangan Yang Berhormat dengan tujuan untuk menanam dan menyemaikan lagi lebih confusion dalam perkara ini dan itu tujuan utama (*Fepuk*). Dan saya berpendapat bahawa Dewan yang mulia ini mestilah ada keluhurannya dan jangan digunakan segala kesempatan ini untuk menimbulkan perkara yang Yang Berhormat tentu tahu iaitu Attorney-General membantah dalam perkara ini, entah-entah tidak, tetapi perkara ini sengaja ditimbulkan supaya the

Press can quote under the privilege of this Dewan untuk menyemaikan confusion itu. Ini motif yang tersirat, yang jahat untuk menimbulkan huru-hara.

Tuan Lim Kit Siang: Yang Berhormat is imputing improper motives, tetapi dia sudah duduk, tidak apa.

Tuan Pengerusi: Sila teruskan.

Tuan Lim Kit Siang: Saya beri jalan kepada dia, tentu saya mahu dapat jalan untuk menerangkan, kalau tidak itu tidak adil, sedikit sahaja. Yang Berhormat Menteri seorang yang tidak layak sekali untuk bercakap mengenai keluhuran, kemuliaan Dewan yang mulia ini.

Saya ingat lagi di Dewan Undangan Negeri Melaka apabila ada satu tuduhan yang liar dibuat bahawa saya agen KGB, yang masa itu Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Melaka cakap mahu siasat, tetapi takut siasat dan benarkan satu tuduhan yang liar ini ke dalam rekod, tetapi selepas pembubaran Dewan tidak ada lagi.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam (Tuan Hussein bin Mahmud): On a point of order.

Tuan Lim Kit Siang: Apa itu order?

Tuan Pengerusi: Sila duduk.

Tuan Hussein bin Mahmud: 36 (1), apa kena mengena cerita Melaka dengan di sini, Tuan Pengerusi?

Tuan Lim Kit Siang: Daripada apa Yang Berhormat cakap, sebab itu ada relevant, kalau tidak ada kena-mengena tadi sudah tahan dia, mengapa tidak mahu tahan dia, tadi berdiri tahan dia.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat duduk dahulu.

Tuan Hussein bin Mahmud: Tuan Pengerusi

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): (*Bangun*)

Tuan Lim Kit Siang: Lagi, hello! (*Ketawa*)

Tuan Pengerusi: Tolong sebut.

Tuan Hussein bin Mahmud: Tuan Pengerusi, saya belum duduk.

Peraturan Mesyuarat 36 (1) terang di sini. Jadi sama ada secara kebetulan, atau tidak seseorang itu pernah menjadi Ketua Menteri Melaka atau tidak, itu tidak ada relevant di sini. Saya minta ruling daripada Tuan Pengerusi, jangan bercakap begitu sekali degil.

Tuan Pengerusi: Sila Yang Berhormat teruskan.

Tuan Lim Kit Siang: Saya jawab oleh kerana Yang Berhormat timbulkan.

Tuan Pengerusi: Sudah, sudah jawab cukup. Sila!

Tuan Lim Kit Siang: Lain kali janganlah start the show untuk menarik perhatian press gallery, sendiri mahu press gallery, kalau saya mahu press gallery.

Akhir sekali, dalam perkara ini untuk memulihkan kredibility Parlimen yang telah terjejas dan tadi lagi terjejas dengan teruknya. Dalam masa sebulan yang lepas kerana pengabaian penuh kedua-dua krisis ini, saya mencadangkan supaya Kerajaan mengeluarkan kenyataan-kenyataan tahap Menteri atas kedua-dua krisis ini dan memberikan masa yang cukup untuk perbahasan Parlimen di atas kedua-duanya, jika perlu Parlimen boleh melanjutkan masa untuk mengadakan perbahasan pada sebelah malam khususnya untuk membincang kedua-dua perkara ini dan kalau sebenarnya apa yang saya tanya tadi bahawa ada objection-objection Jabatan Attorney-General (Peguam

Negara) terhadap Rang Undang-undang ini Kerajaan boleh buat penjelasan, kalau takut buat penjelasan ini menunjukkan bahawa ada perkara untuk disembunyikan. Kita dalam proses demokrasi, kita boleh tanya, kita ada hak tanya dan Kerajaan ada tanggungjawab untuk jawab, kalau tidak jawab terpulang kepada orang ramai untuk buat satu judgement.

Tuan Pengerusi, Jawatankuasa Peraturan Mesyuarat telah mempelawa Ahli-ahli Parlimen mengemukakan cadangan-cadangan untuk mengkaji dan meminda Peraturan Mesyuarat sebelum 19hb November. Terdapat keperluan untuk mengkaji semula peranan Parlimen, fungsi Parlimen, sama ada kita sedang memainkan peranan yang telah diperuntukkan di bawah Perlembagaan merdeka atau sama ada kita semakin menjadi satu unit yang tidak penting dalam proses politik.

Meneliti setengah-setengah Ahli Parlimen yang menganggap Parlimen sebagai satu jabatan setengah-setengah Kementerian adalah amat memmeranjatkan, kerana bagaimanakah kita akan menunjukkan keagungan Parlimen (Sovereignty of Parliament) dan kedaulatan orang-orang dengan bermentaliti begitu rupa.

Pada 10hb Oktober, semasa saya mencadangkan usul supaya Parlimen mengutuk Soviet Union kerana menembak jatuh kapal terbang Korea Selatan yang membunuh secara ngeri 269 orang, usul tersebut telah ditolak atas alasan Kerajaan telah pun mengutuk perbuatan tersebut dan tidak perlu bagi Parlimen meluluskan usul tersebut.

Ahli-ahli Parlimen begini tidak memahami bahawa Parlimen adalah berasingan dan lebih tinggi dari Kerajaan khasnya Ketua Pemuda

MCA dan usul Parlimen seumpama itu akan mengukuhkan kedudukan Kerajaan di dalam dan di luar negeri.

Oleh yang demikian, adalah terdapat keperluan yang mendesak untuk mengkaji peranan dan fungsi Parlimen, dan sebagai bahagian darinya, Peraturan-peraturan Mesyuarat mestilah dikaji semula daripada sudut itu. Tetapi jika Peraturan Mesyuarat itu dikaji untuk menyesuaikan Parlimen untuk memainkan peranan yang kurang penting dan penuh penyekatan, maka saya fikir kita telah melakukan sesuatu yang paling buruk atau disservice kepada Parlimen dan rakyat Malaysia.

Namun, saya bagi pihak ahli Parlimen DAP meminta Jawatankuasa Peraturan Mesyuarat melanjutkan tarikh akhir 19hb November itu untuk mengemukakan cadangan-cadangan, oleh kerana ini adalah satu tempoh masa yang begitu sibuk untuk kita serta juga untuk membenarkan Jawatankuasa Peraturan Mesyuarat menimbang cadangan untuk membuat satu kajian yang lebih mendalam dan lebih menyeluruh.

Tuan Pengerusi, saya gembira mengetahui daripada jawapan Menteri di Jabatan Perdana Menteri bahawa Badan Pencegah Rasuah tidak melarikan diri daripada suatu temu-janji dengan saya atas skandal BMF, dan adalah rela menemui saya.

Saya pasti akan membuat temu-janji dengan BPR untuk mengetahui akan tindakan-tindakan mereka ke dalam skandal BMF. Keseluruhan kredibiliti BPR akan terjejas dengan teruknya jika ia tidak dapat bertindak terhadap "a heinous crime" yang melibatkan \$2,500 juta wang awam. Ia memberi gambaran bahawa skop operasinya hanya melingkungi mereka yang mengambil rasuah-rasuah sebanyak \$25.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengatakan bahawa skandal pinjaman BMF adalah "a heinous crime", tetapi tiada sebarang kesalahan dari segi undang-undang yang telah dilakukan, hanya kesalahan moral. Masanya sudah tiba bagi membolehkan kesalahan moral atau "moral wrong-doing" yang telah menyebabkan kerugian \$2,500 juta kepada negara kita dihukum di bawah Akta Pencegah Rasuah. BPR patut menyiasat kes-kes sedemikian, dan walaupun tindakan-tindakan perundangan tidak boleh dimulakan, mereka patutlah menerbitkan suatu laporan awam yang mengiklankan "moral wrong doing" pegawai-pegawai awam, agar ia dapat mengelakkan pesalah-pesalah di masa depan.

18 bulan selepas pilihanraya umum, Kerajaan telah kehilangan daya penggerak serta komitmen untuk sebuah Kerajaan "bersih, cekap dan beramanah". Ini adalah nyata sekali di dalam kempen pilihanraya kecil Seremban, di mana MCA tidak menampalkan walau satu poster atau sepanduk pun yang melaungkan suatu Kerajaan "bersih, cekap dan amanah".

Ini adalah kerana telah terdapat terlalu banyak kejadian yang telah mencemarkan rekod anti-rasuah pentadbiran. Selain daripada skandal BMF, kita menemui kes-kes seperti skandal Kok Lanas yang melibatkan KSM kepunyaan MCA, di mana 16 hektar tanah telah dibeli untuk \$11.5 juta. Menurut Jawatankuasa "Kok Lanas No Deal", seorang Timbalan Menteri juga adalah terlibat. Apakah tindakan ACA untuk menyiasat skandal di Kota Bharu ini?

Tuan Pengerusi, saya adalah berasa kagum dengan jawapan Menteri di Jabatan Perdana Menteri kepada ucapan belanjawan saya di mana saya menyeru kepada Kerajaan

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: (Bangun)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, duduk dahulu!

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Peraturan Mesyuarat 36.

Tuan Lim Kit Siang: Apa itu? 36 (6)?

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: 36 (6)!

Tuan Pengerusi: 36 (1), "Ahli hendaklah menghadkan ucapan kepada perkara yang dibincangkan sahaja".

Tuan Lim Kit Siang: Kalau dia cakap saya tak relevant, dia mahu cakap kenapa saya tidak relevant. Bukan berdiri sahaja, tak ada fikiran, mahu fikir apa tidak relevant? Apa ini macam budak-budak?

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Pengerusi, saya minta sebut butir apa yang dicakapkan; merepet sana, merepet sini macam budak-budak.

Tuan Lim Kit Siang: Mahu tanya butiran, bukan 36 (1). Kalau tak tahu, tanya, saya boleh beritahu, baca Budget, do homework!

Tuan Pengerusi, saya adalah berasa kagum . . .

Tuan Ismail bin Said: Tuan Pengerusi, penjelasan!

Tuan Lim Kit Siang: Mahu penjelasan! Boleh!

Tuan Ismail bin Said: Di bawah Butiran berapa Yang Berhormat Ketua Pembangkang bercakap sekarang?

Tuan Lim Kit Siang: Baik. Tengok, Maksud Bekalan 7, muka 55—buka!

Tuan Pengerusi: Sila teruskan, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, terima kasih.

Saya adalah berasa kagum dengan jawapan Menteri di Jabatan Perdana Menteri kepada ucapan belanjawan saya di mana saya menyeru kepada Kerajaan supaya berwaspada menggerakkan telaga-telaga minyak dan menghabiskan sumber-sumber minyak, semata-mata untuk mengatasi kekurangan hasil Kerajaan, kerana Kerajaan telah menggugurkan sasaran-sasaran pengeluaran di bawah Rancangan Malaysia Keempat yang berikhtiar mengeluarkan 400,000 tong sehari. Beliau telah mengatakan: "Sebenarnya, simpanan minyak mentah Malaysia di dapati bertambah dari setahun ke setahun hasil daripada usaha-usaha mencarigali yang berterusan. Pada masa ini simpanan minyak yang diketahui yang boleh dikeluarkan ialah lebih kurang 2,600 juta tong sahaja".

Nampaknya, Kerajaan telah menyeleweng dari suatu polisi "conservation minded", kepada suatu mentaliti bahawa bekalan petroleum tak terhingga atau tiada had.

Terdapat satu perubahan total dalam falsafah Kerajaan dalam perkara pengurusan sumber-sumber petroleum yang telah memaksa Kerajaan mengumumkan suatu Dasar Susutan Minyak Negara. Sumber-sumber seperti minyak dan gas hendaklah dianggap sebagai sumber-sumber yang "depletable" dan "non-renewable" dan bukanlah sebagai suatu bonanza yang boleh diboroskan. Kita hendaklah menyimpan atau "conserve" sumber-sumber minyak dan gas kita, lebih-lebih lagi waktu harga minyak adalah begitu rendah serta berusaha mendapatkan harga yang tinggi bagi minyak kita dan bukan menggerakkan telaga-telaga minyak kita pada ketika harga minyak adalah rendah semata-mata untuk memenuhi permintaan hasil Kerajaan.

Pada masa ini terdapat terlalu sedikit maklumat mengenai sumber-sumber dan simpanan-simpanan minyak negara, dasar pengurusan dan pengurusan PETRONAS.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, tolong sebut Butiran berapa supaya senang kita catat.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, iaitu di bawah Butiran 3, muka surat 74, Penilaian Punca-punca Alam Semulajadi, nanti pun akan sebut satu Kajian Rancangan, dan juga di muka 55, Unit Perancang Ekonomi dan Unit Penyelidikan Sosio Ekonomi dan Perancang Am, dan saya percaya antaranya bertanggungjawab mengenai PETRONAS.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, sebelum Yang Berhormat bercakap atas satu-satu tajuk, saya harap Yang Berhormat sebut muka surat berapa, butiran berapa supaya senang dicatat.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, sekarang saya masih dalam PETRONAS, oleh kerana kita semua tahu PETRONAS di bawah jagaan Perdana Menteri.

Tuan Pengerusi, dalam tahun 1976 apabila PETRONAS ada ditubuhkan, sektor minyak adalah baru buat sumbangan kepada eksport sejumlah \$160 juta dan kepada Federal revenue sejumlah \$700 juta, tetapi sampai tahun 1982 sektor minyak sudah buat sumbangan \$7,600 juta kepada eksport dan untuk Federal revenue \$4,400 juta. Dengan begitu banyak, angka yang begitu besar patutlah satu penyeliaan, satu pengawalan yang ketat yang dibuat oleh Kerajaan terhadap PETRONAS supaya tidak akan berlaku seperti apa yang berlaku di BMF, ada salah pengurusan, ada pecah amanah.

Saya dapati bahawa PETRONAS dan semua anak-anak syarikatnya semuanya ada lebih daripada 4,000

orang kakitangan, walhal syarikat-syarikat minyak seperti EPMI, Sarawak Shell yang mengeluarkan minyak semua tidak ada bilangan begitu banyak pekerja-pekerja PETRONAS apabila PETRONAS tak keluarkan \$1 minyak pun. Kita perlu buat satu siasatan sama ada pengurusan PETRONAS patut ada satu kajian. Saya menyeru bahawa satu Jawatankuasa Parlimen ditubuhkan untuk monitor PETRONAS dan melaporkan setiap tahun kepada Parlimen mengenai PETRONAS.

Dua minggu dahulu apabila Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, yang ada di sini, buat satu jawapan kepada saya ada mengatakan bahawa PETRONAS memperoleh satu rekod keselamatan yang terbaik sekali untuk oil rig dan dapat satu anugerah "Sword of Honour" oleh Majlis Keselamatan British pada 19hb Oktober. Apa yang saya tahu "Sword of Honour" ini ada dianugerahkan oleh British Security Council selepas PETRONAS menjawab satu questionnaire, bukan selepas satu siasatan yang ada dibuat oleh Majlis tersebut. Dan ada orang yang juga bertanya sama ada "Sword of Honour" itu dianugerahkan kepada PETRONAS bukan sebenarnya atas sebab keselamatan rekod, tetapi untuk membaiki pertalian antara British dan Malaysia, satu langkah political dan diplomatik, dan bukan satu langkah keselamatan.

Tetapi saya rasa kita tidak ada sebab rasa sangat bangga mengenai rekod keselamatan oil rig dan platform kita oleh kerana di bulan Jun ini baru ada seorang pekerja contract worker yang meninggal dunia selepas satu kemalangan di platform tinggi A yang dipunyai oleh EPMI, di mana Chee Ta Heng yang ada bekerja terbakar selepas minyak-minyak diesel 40 gelen dicurahkan daripada bahagian kedua. Saya harap bahawa PETRONAS dan Jabatan Perdana Menteri tidak akan

mengenepikan ketakutan pekerja-pekerja di platform-platform offshore mengenai keselamatan mereka dan tentulah accident bulan Jun tahun ini tidak dalam questionnaire yang diminta oleh British City Council dan selepas itu dapat Sword of Honour oleh kerana kalau saya tidak silap accident pekerja-pekerja kontrak tidak termasuk dalam rekod EPMI. Itulah rekod contract worker, bukan rekod EPMI dan sebab itu ada satu safety record yang bersih dan sebab itu dapat Sword of Honour. Sebab itu saya rasa janganlah kita sangat bangga oleh kerana ada satu Sword of Honour.

Apa yang perlu, apa yang mustahak ialah bahawa kita dapat peraturan-peraturan ketat yang ada di lain-lain negara supaya rekod-rekod keselamatan di oil rig, alat-alat yang digunakan di oil platform ada mematuhi peraturan-peraturan. Sampai sekarang ini tidak, langsung tidak dan apa yang berlaku di oil platform itu semua dalam jagaan syarikat-syarikat minyak. PETRONAS nampaknya tidak ada kebolehan, tidak ada expertise untuk buat apa-apa control.

Sebagai contohnya di negara-negara lain sebelum satu platform offshore mula bergerak, syarikat minyak kebangsaan hendak keluaran satu certificate of fitness (sijil kelayakan) yang saya tahu di Malaysia tidak, EPMI atau Sarawak Shell memulakan oil platform PETRONAS pun tidak boleh keluaran satu certificate of fitness, tidak ada kebolehan, tidak ada expertise dan pun di lain-lain negara setiap tahun ada periksa atau periksa semua alat-alat, semua vesel-vesel tetapi yang ada digunakan di offshore, tetapi bukan di Malaysia dan sebab itulah jangan cakap banyak-banyak mengenai Sword of Honour oleh kerana tidak ada bererti.

Saya ada cadangan bahawa patut ada satu Jawatankuasa Parlimen untuk monitor PETRONAS oleh kerana

nampaknya PETRONAS ada buat banyak keputusan yang bernilai beratus juta ringgit yang sangat questionable seperti kilang Penapis di Kertih \$165 juta dan mungkin lah refinery yang sangat tidak ekonomik dalam bahagian dunia ini.

Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu Dewan ini apa harga untuk menapis satu barrel minyak di Kertih Refinery, apa dibanding dengan lain-lain refinery jiran-jiran kita dan saya dapat tahu refinery ini tidak refine petroleum atau aviation spirit, barulah 25% naphtha, 25% kerosene, 30% diesel, 15% heavy oil residue, 200 LPG dan ada 240 orang pekerja dan expatriate staff Caltex 30 orang. Dan apa yang lebih memeranjatkan ialah bahawa ada apa yang disebut sebagai refinery loading buoy yang bernilai \$20 juta untuk tanker-tanker memuatkan (load) minyak yang sepatutnya 4 kilometer daripada pantai yang boleh menerima tanker-tanker 100,000 tan dead weight tetapi apabila diinstalled, barulah 2.1 kilometer daripada pantai dengan 60 kaki air dan sebab itu sungguhpun berjimat \$20 juta tetapi tanker-tanker yang lebih daripada 35 tan dead weight tidak boleh digunakan dan tambah kemungkinan kemalangan atau accident factor 30 kali pada 8hb Jun tahun ini ada berlaku satu kemalangan di mana satu tanker ada terlibat dan buoy itu ada ditarik, 26 kaki mengakibatkan bahaya kepada pantai-pantai, kalau ada oil spill, ikan-ikan, fisheries, turtles, semua akan bahaya dan apa yang saya dimaklumkan satu tanker buoy itu kalau angin 22 knots tidak boleh lagi terus operasi loading. Kalau angin itu 35 knots, kapal itu mahu cepat dikeluarkan. Kalau tidak, sangat bahaya, satu darurat boleh berlaku, dalam 11, 12 minit tanker itu boleh dibuang kepada pantai dan akibatnya sangat serius. Semua environmental danger.

(Tuan Yang Dipertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Dan sebab itulah saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Menteri kenapa ada buoy itu di sana, kenapa Kertih refinery itu tidak didirikan di Tanjung Berhala di mana ada, dengan izin, natural harbour, dan tak perlu lagi untuk tapkan 42 kilometer oil daripada Terengganu Crude Oil Terminal daripada Tanjung Berhala kepada Kertih dan supply base ada di Tanjung Berhala

Tuan Ismail bin Said: *(Bangun)*

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat!

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan, ya, boleh.

Tuan Ismail bin Said: Saya hendak bertanya sama ada Yang Berhormat pernah pergi ke Kertih ataupun tidak. Itu sahaja.

Tuan Lim Kit Siang: Apa yang mustahak ialah apa yang saya cakap benar tak benar. Kalau apa yang saya cakap benar tak pergi, lebih baik daripada seorang yang ada di sana tetapi tidak tahu, bukan? *(Ketawa)*

Tuan Ismail bin Said: Tuan Pengerusi, saya tidak mahu Yang Berhormat itu dengar khabar-khabar angin, tidak pergi ke tempat yang sebenar.

Tuan Lim Kit Siang: Itulah.

Tuan Pengerusi: Saya minta jangan diadakan perbahasan di antara satu dengan yang lain. Saya minta Yang Berhormat teruskan.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, saya pun sampai yang menghabiskan.

Akhirnya, satu point saya hendak timbulkan di sini ialah mengenai Perkhidmatan Parlimen. Saya harap khususnya apabila Dewan bersidang baik pun sampai 6.30 atau malam bahawa library seperti kemudahan-kemudahan perpustakaan diadakan oleh kerana Ahli-ahli Parlimen apabila hendak

ambil bahagian dalam perbahasan-perbahasan, saya percaya selalu mahu refer dan tentulah kalau library tidak dibuka apabila ada masa perbahasan, library itu tidak guna langsung, lebih baik tutup library itu, library itu ialah untuk Ahli-ahli Parlimen khasnya masa perbahasan dan kalau perlu untuk sidang Parlimen mahu ambil kakitangan tambahan overtime atau apa-apa, saya rasa itu secondary, saya harap bahawa kemudahan-kemudahan library bukan sahaja boleh diadakan tetapi lain-lain kemudahan research services dan lain-lain.

5.47 ptg.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad (Pasir Puteh): Tuan Pengerusi, saya hendak bercakap dalam Bekalan B. 1 muka surat 32, Aktiviti (2) Mengurus dan Mentadbir Hal Ehwal Berkaitan dengan Persidangan Dewan Negara dan Dewan Rakyat.

Tuan Pengerusi, saya setuju dengan wakil Kota Melaka supaya diubah fungsi Parlimen ini iaitu supaya Parlimen ini jangan dijadikan tempat mencari publisiti murah dan juga menuduh sesuatu pihak. Juga janganlah jadikan Parlimen ini tempat untuk kepentingan politik dan juga untuk kepentingan diri, misalnya apabila adanya pilihanraya di Seremban atau di mana-mana, Dewan ini digunakan sebagai tempat mencari publisiti dan tempat mencari pengaruh dari segi politik dan juga saya minta supaya Parlimen ini jangan dijadikan tempat melepaskan perasaan. Kalau tidak laku percakapan di luar, janganlah bawa ke Dewan ini kerana Dewan ini bukan tempat kongsi gelap atau kedai kopi yang boleh kita tengking-tengking dan Ahli-ahli kadang-kadang tidak mempunyai peradaban langsung. Misalnya apabila minta penjelasan sesukanya hendak jawab, apabila penjelasan belum habis, dia jawab. Hendak kata macam kucing, ngiau. Jadi, cara-cara ini

adalah cara yang tidak sebenarnya bagi Dewan Rakyat ini kalau hendak menjaga Dewan Rakyat ini sebagai satu tempat yang mulia.

Saya menarik perhatian kepada Ahli DAP sendiri sebenarnya dia membangkitkan seolah-olah bermegah kalau sekiranya dia bangun mengatakan Dewan ini tidak cukup koram.

Sebenarnya tidak cukup koram ini kerana DAP sendiri tidak berminat untuk berada dalam Dewan ini. Misalnya pada hari yang tidak cukup koram pada 3hb November, dahulu, sebenarnya Wakil daripada Barisan Nasional ada tetapi tidak sempat masuk dan pula wakil daripada DAP seorang pun tidak ada, yang ada cuma Wakil Kota Melaka seorang untuk mencari publisiti. Apabila lepas minum air, tengok masuk, hambat balik orang-orang dia masuk untuk mencari keadaan dan untuk mencari publisiti atau untuk mencari kesalahan pihak Dewan atau pihak Kerajaan.

Kalau ini hendak dipersalahkan kepada Wakil daripada Barisan Nasional sahaja, agak tidak adil. Sebenarnya, Wakil DAP lah yang lebih berminat untuk mendapat kerusi di Seremban daripada untuk menduduki kerusi dalam Dewan ini.

Sebab itulah nampaknya kalau beginilah caranya Dewan ini digunakan dan kalau begini caranya perbahasan dilakukan, saya rasa Dewan ini tidak ada kemuliaannya kerana apa yang dicakapkan itu seolah-olah macam berbual di kedai kopi Tuan Pengerusi, ataupun berbincang dalam kongsi gelap ataupun lombong-lombong atau bawah jambatan.

Kalau itulah standard perbahasannya kita tidak guna library, library boleh tutup pukul 5.00 atau pukul 4.00 boleh tutup Tuan

Pengerusi. Tidak ada apa isinya perbincangan yang hendak digunakan library. Semua boleh pakai otak kalau orang itu cerdik.

Tuan Pengerusi, saya suka juga hendak menyentuh soal Bekalan 7, muka surat 55 iaitu Bahagian Kabinet. Sebenarnya, kalau sekiranya kita bercakap dalam Dewan ini biarlah ada isinya. Kalau bercakap 10 jam pun benda yang sama, buat apa. BMF ini bengang telinga dengar, soalan lagi, soalan tambahan lagi, perbahasan lagi walaupun 10 jam kita cakap dalam Dewan ini tidak ada maknanya. Habis semua, sekarang ini Wakil DAP seorang pun tidak ada dalam Dewan kerana tidak sedap dengar. Dia takut, kerana mereka ini makan lada Tuan Pengerusi, sebab itu mereka cepat merasa pedas, cepat merasa panas. Kalau kita membawa dalam Dewan ini sesuatu usul atau sesuatu perbincangan itu yang diulang beberapa kali sedangkan kita tidak berminat mendengarnya, pihak Kerajaan sendiri telah tidak mahu menjawabnya hendak marah kepada Kerajaan. Itulah mutunya perbahasan yang dibentangkan oleh Wakil atau Kepala Pembangkang.

Inilah cara-cara yang kita rasa ubahkanlah perbahasan ini supaya janganlah kita bangkitkan sesuatu perkara itu berulang kali. Walaupun Kabinet atau Menteri tidak menjawab daripada apa yang kita berucap. Ini maknanya nilai ucapan kita itu tidak berlaku, atau kalau berlaku pun benda itu adalah di dalam kajian, di dalam urusan. Jadi tidak mesti kita menjawab sesuatu perkara itu baharulah puas hati orang bercakap.

Kalau Wakil daripada Kota Melaka bercakap di sini sejam, marah Menteri Kewangan tidak jawab sepatah pun, carilah modal lain supaya Menteri ini jawab, baharulah ada mutu perbahasan, tidaklah benda itu setelah

dijelaskan beberapa kali dalam Dewan ini hal BMF ini dalam ucapan dalam soal jawab, dan Perdana Menteri sendiri telah beberapa kali menceritakan bahawa benda ini dalam kajian, dalam siasatan, dalam tindakan dan sebagainya tetapi masih hendakkan jawapan. Ini tidak lain adalah kerana hendak mengeksploitkan benda ini supaya akan jadi resah ataupun akan jadi kelam-kabut, akan jadi huru-hara dan apabila jadi huru-hara, kita telah tahu matlamatnya, mereka inilah yang akan menanggung di air keruh dan mencari kesempatan itu. Maka keadaan inilah kalaulah inilah hasrat tujuan yang ditimbulkan di dalam Dewan ini bermaknalah maka mutu dan niat ucapan yang ditimbulkan itu sudah tidak bermakna lagi.

Dan begitu juga daripada krisis Perlembagaan, kita tahu pada masa Yang Amat Berhormat jawab dahulu ada sebab-sebabnya yang disebutkan di dalam Dewan ini tetapi apabila benda ini timbul minta pula Menteri menjawab. Ini juga satu perkara untuk mengeksploitkan isu-isu seperti ini.

Kalau Menteri tidak jawab, minta suruh jawab, kalau jawab pun tidak ada dalam Dewan buat apa? Kalau Menteri hendak jawab tidak ada seorang pun kerana mereka ini lebih berminat untuk dapat kerusi daripada duduk atas kerusi dalam Dewan ini. Orang kata kalau kita katakan tamak untuk mendapat satu kawasan di Seremban, maka hendak tinggalkan Dewan ini. Inilah merupakan satu perkara yang patut diambil perhatian supaya Menteri-menteri tidak hanya menjawab kepada ucapan-ucapan daripada Pembangkang sahaja kerana mereka ini kalau Menteri menjawab ucapan daripada Pembangkang, maka publisiti dia dapat, TV pun ambil, paper pun ambil, esok masuk gambar kerana Menteri menjawab mengambil berat daripada ucapan daripada Pembangkang.

Itu saya mengesyorkan kepada Menteri tidak payahlah menjawab kerana kalau menjawab apa yang ditimbulkan oleh Pembangkang, maka publisiti murah yang dia hendak itu dapat. (*Tepuk*)

Jadi saya setuju Menteri tidak payah jawab. Jawab "Yes" ataupun "No" ataupun "Tidak", (*Ketawa*) maaf Tuan Pengerusi. Ataupun dalam pertimbangan lebih baik daripada beri jawapan panjang, kerana mereka ini akan menggunakan jawapan itu untuk publisiti kerana apabila Menteri jawab mesti TVnya color, tambah-tambah kalau Menteri Penerangan. (*Ketawa*)

Jawapannya mesti, kalau Perdana Menteri mesti jawab. Itulah yang dia kehendaki. Menteri dalam urusan Kabinet ini kalau agak jawapan itu boleh menimbulkan publisiti murah kepada DAP, tidak payah jawab.

Tuan Pengerusi, saya suka menyebutkan dalam Bahagian muka surat 118, Bekalan 15 iaitu Jabatan Perpaduan Negara. Apabila kita melihat kepada tujuan perpaduan negara ini untuk menyemaikan perasaan muhibah dan juga perpaduan di kalangan rakyat berbagai kaum di negara ini bagi melahirkan satu masyarakat Malaysia bersatu padu dan juga untuk menanamkan perasaan yakin dan percaya rakyat kepada Kerajaan, bagi menjamin kerjasama yang sepenuhnya oleh rakyat terhadap semua dasar yang dijalankan oleh Kerajaan dan juga untuk membantu agensi Kerajaan ataupun swasta yang memerlukan bantuan terhadap masalah konflik kaum supaya dapat dipulihkan semua keadaan yang aman dan juga saling mempercayai di antara rakyat. Inilah tujuan-tujuan yang akan dijalankan oleh Jabatan Perpaduan Negara.

Soal saya, apakah Jabatan itu telah berjaya? Dan juga soalan ini juga timbul daripada Wakil dari Kuala

Lumpur Bandar. Sebenarnya bagi saya kejayaannya hendaklah melalui kajian dengan teliti kerana kejayaan perpaduan negara tidak dapat dilihat dengan mata kasar. Tetapi hendaklah direnung dan juga dikaji oleh pakar-pakar dengan secara mendalam supaya benda ini dapat menentukan.

Perpaduan negara ini sebenarnya adalah melibatkan manusia, dan juga merangkumi segala adat resam dan juga norma-norma dan tingkah laku manusia itu. Perkara ini hendaklah dikaji dengan lebih mendalam, dan kejayaannya di dalam perpaduan negara ini adalah berkehendakkan pergorbanan dari jiwa yang suci dan tulus ikhlas bukan setakat kata-kata yang dikeluarkan daripada bibir mulut sahaja.

Jika sekiranya berlaku tikaman dari belakang adalah merupakan racun yang amat bisa kepada jiwa untuk membawa kepada perpaduan negara.

Saya pergi kepada Butiram 3 iaitu Pembangunan Masyarakat. Negara kita sebenarnya adalah negara berbilang bangsa, sudah tentu berlainan bahasa dan berbeza kebudayaannya dan tidak terdapat di dalam dunia ini negara-negara lain seperti negara kita yang begitu unik seperti apa yang berlaku dengan rakyat berbilang kaum dalam negara kita ini. Apakah kita akan terus hidup berbeza dengan cara yang berlainan sebagaimana yang ada sekarang untuk mencapai perpaduan negara? Keadaan ini tidak mungkin. Kita harus mengadakan satu penyatuan sebagaimana penyatuan yang kita telah laung-laungkan dan juga telah pun dibuat oleh Kerajaan ialah dengan penyatuan sebuah negara Malaysia yang mempunyai satu bahasa iaitu Bahasa Malaysia dan juga satu kebudayaan iaitu kebudayaan nasional sahaja yang dapat menjamin perpaduan bagi semua kaum. Dan

mana-mana pihak tidak sukakan kepada perpaduan ataupun penyatuan bahasa dan juga penyatuan kebudayaan ini mereka itu berkehendakkan sedikit pengorbanan supaya sesuatu itu akan dapat tercapai daripada penyatuan fizikal ini dan melalui unsur-unsur inilah akan lahir satu kejiwaan yang benar suci dan yakin terhadap negara ini.

Semenjak mulai mencapai kemerdekaan lagi persetujuan telah dicapai tentang bahasa dan juga kebudayaan dari segi konsep dan juga dasarnya untuk melahirkan perpaduan negara, tetapi malangnya ada lagi kita terdapat suara sumbang ataupun rentak tidak mengikut lagu yang dilakukan oleh DAP telah mencemarkan suasana kita dan mengguriskan hati kecil daripada satu pihak yang telah berkorban dan memberi taraf kerakyatan kepada mereka sebagai rakyat negara ini.

Tuan Pengerusi, saya akui sedikit sebanyak perpaduan negara telah tercapai semenjak ditubuhkan dan apabila begini lama kita memupuk perpaduan dan muhibah antara rakyat negara ini maka timbul gejala yang paling besar iaitu parti pembangkang iaitu parti perkauman dan juga parti yang mengungkit-ungkitkan sesuatu keputusan yang telah tercapai. Jadi kelahiran parti perkauman yang memecahbelahkan sesama Cina dan India dan juga parti perkauman memecahbelahkan sesama Melayu dan Islam, maka isu perkauman telah menjadi-jadi, benci-membenci, tuduh-menuduh telah marak semula dan api yang selama ini telah padam telah membara semula, perkara yang telah lupa dibangkitkan semula, akibatnya perpaduan negara telah terjejas. Golongan muda yang tidak kenal sejarah dan tidak mengetahui asal usulnya telah menerima dasar perkauman yang

dibawa oleh pembangkang dan orang-orang yang tidak bertanggungjawab seperti DAP.

Sepatutnya anak yang lahir selepas merdeka tidak harus mempersoalkan hak dan kepunyaan kesukuan masing-masing kerana semuanya kepunyaan hak bersama. Keadaan seperti ini lahir kerana ibu bapa mereka masih lagi mengamalkan dan mendidik mereka ikut cara sukuan atau ikut cara kaum masing-masing. Oleh itu, saya berharap satu sistem pendidikan yang sama, di bawah bumbung persekolahan yang sama, yang mempunyai bahasa yang sama dan juga amalan kebudayaan yang sama sahajalah akan dapat kita serapkan kejiwaan yang sama dan matlamat dan tujuan yang sama kepada rakyat negara ini bagi mencapai perpaduan rakyat negara ini. Oleh itu, untuk mengekalkan kesamaan dan keharmonian ini tidak ada jalan lain Kerajaan hendaklah mengharamkan parti-parti perkauman yang memperjuangkan dan membangkitkan isu sukuan dan kaum-kaum yang tertentu untuk kepentingan satu-satu pihak sahaja. Pemimpin-pemimpin yang mengapi-apikan perkara ini juga patut diambil tindakan dan dikenakan hukuman berat dan kalau perlu masukkan di dalam "cold storage" supaya beku dan kaku barulah kuman-kuman yang meracuni perpaduan negara akan dapat lenyap, Tuan Pengerusi. Malangnya, mereka itu tidak ada dalam Dewan ini.

Tuan Pengerusi, UMNO adalah sebuah parti yang menerima konsep perpaduan ini. UMNO juga sebuah parti yang teguh kepada janji dan keputusan dan UMNO juga patuh kepada Perlembagaan dan kepada pemimpin. Oleh itu, siapa sahaja baik DAP atau PAS yang membangkitkan sesuatu perkara yang telah diputuskan hasil daripada kesedaran dan pegorbanan UMNO selama ini

demi untuk kepentingan perpaduan rakyat dan negara maka kami ahli UMNO tetap menentang sehingga ke titisan darah yang akhir kalau sekiranya diperlukan. Untuk mengelakkan kemarahan kami, Tuan Pengerusi, dan menghindarkan tindak balas kami, janganlah diungkit-ungkitkan perkara yang telah diputuskan.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat, saya minta Ahli Yang Berhormat menghormati Peraturan Mesyuarat 36 (10), janganlah mengeluarkan satu-satu perkataan yang boleh membangkitkan perasaan yang tidak dikehendaki.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Sebenarnya fasal bercakap deras, Tuan Yang Dipertua, sebenarnya tidak ada apa.

Untuk mengelakkan kemarahan dan menghindarkan tindak balas kami janganlah ungkitkan perkara yang telah diputuskan baik dari segi bahasa mahupun dari segi kebudayaan. Kerana itulah sahaja yang ada kepada kita untuk menjadi alat bagi perpaduan negara yang amat berkesan sekali dan sedikit pengorbanan mana-mana pihak adalah amat perlu bagi mencapai kesamaan bahasa dan budaya demi matlamat perpaduan kita.

Perpaduan orang-orang Melayu terletak kepada Islam, ini tidak kena-mengena dengan nama Parti Islam (PAS), Tuan Pengerusi. Islam merupakan penyatuan dan perpaduan kepada orang Melayu dengan sebab itulah parti yang menggunakan nama Islam boleh mempengaruhi rakyat untuk menyokongnya. Walaupun parti itu tidak berbuat apa-apa kepada mereka. Bahkan Islam ini sebenarnya bukan boleh menyatukan sesama Islam tetapi penyatuan saluran umat dan bangsa seluruhnya kerana terdapat

ajaran yang baik dalam Islam. Sebab itulah nilai-nilai Islam merupakan nilai baik yang boleh diamalkan untuk menyatukan rakyat.

Tuan Pengerusi, Islam dan nilainya boleh memupuk perpaduan negara tetapi bukan Parti Islam (PAS) yang saya maksudkan itu kerana mereka Parti Islam (PAS) itu mengamalkan sebaliknya yang boleh memecahbelahkan sesama Islam. Itu sebabnya kesilapan Tok-tok Alim kita yang tidak faham masalah politik dan tidak mengenai apa itu politik hendak menjadi pemimpin politik, maka yang mereka itu alim dalam agama Islam hendak dipergunakan ke arah politiknya, mereka itu yang jahil sudah barang tentu rosak fahaman dan akidah orang yang mendengar kerana pemujaan orang kepada mereka itu adalah kerana agama atau kerana alim dalam agama bukan kerana pemimpin politik. Sebab itulah sebarang ucapan pemimpin seperti itu dianggap ucapan agama walaupun mereka itu berucap untuk memancing undi dan mendapat kerusi bagi menduduki dalam Dewan ini ataupun Dewan Negeri.

Tuan Pengerusi, penerapan nilai-nilai Islam di dalam kehidupan dan pentadbiran negara merupakan satu amalan yang paling baik dan berkesan bagi mencapai perpaduan negara. Hanya orang yang tidak tahu dan tidak kenal apa itu nilai Islam seperti wakil dari Sungai Besi, yang juga tidak ada dalam Dewan ini, dan kunci-kuncunya sahajalah yang takut kepada penerapan nilai-nilai Islam.

Nilai-nilai Islam ialah semua nilai-nilai yang baik seperti lemah-lembut, tegur-sapa, tidak menyinggung perasaan orang lain, tidak mempunyai sifat dengki dan tamak tetapi mempunyai sifat bersih, cekap dan amanah serta jujur merupakan antara nilai-nilai Islam yang boleh dibawa kepada kehidupan kita dan juga

kepada pentadbiran negara. Hanya bagi mereka yang tidak suka mengamal dan mempunyai sifat-sifat dengki, tamak dan tidak jujur serta berniat yang tidak baik sahajalah yang tidak mahukan kepada nilai-nilai Islam ini, selain daripada kerana kekebalan ataupun kebodohan mereka itu.

Tuan Pengerusi, begitu jugalah pentadbiran yang cekap tidak menyusahkan rakyat, tidak rasuah, tidak menipu rakyat, adalah di antara nilai-nilai Islam. Kalau inilah yang tidak dikehendaki oleh Pembangkang maka mereka ini lidah telah merupakan satu lidah bercabang kerana selama ini mereka cakap dalam Dewan ini berlainan tetapi sampai satu ketika mereka ini menentang cara penyerapan nilai Islam yang sudah tentu akan merangkumi apa-apa yang tidak dikehendaki. Kalau kita bercakap lain dengan niat yang lain sudah tentulah akan melahirkan sesuatu perkara yang tidak baik dan juga sebagaimana kata pepatah: pepat di luar, rencong di dalam—bercakap lain tetapi niatnya lain.

Kalau kita tidak mahu kepada rasuah, kita tidak mahu kepada penyelewengan, dan kita tidak mahu sesuatu perkara yang tidak jujur maka kita mesti menyokong penerapan nilai-nilai Islam di dalam pentadbiran barulah perkara-perkara ini tidak berlaku dan ini adalah menyemai dengan kehendak-kehendak oleh agama-agama lain juga. Dan ini bukan merupakan satu hukum Islam ataupun hukum-hukum Islam sebagaimana yang dikenakan kepada orang-orang Islam tetapi ini merupakan nilai-nilai yang baik yang memberi kesempurnaan dan kebaikan di dalam pentadbiran juga di dalam kehidupan kita.

Tuan Pengerusi, kalau sekiranya kita tidak tahu hal nilai Islam ini janganlah kita tentang secara membuta-tuli. Kalau tidak tahu kita boleh bertanya. Dan bertanya itu pula hendaklah

kepada orang yang tahu. Kalau kita bertanya kepada orang yang tidak tahu maka jadilah kita sama-sama bodoh.

Inilah perkara yang kita hendak mengambil perhatian. Jangan kita bertanya kepada orang yang tidak tahu, bertanya kepada orang yang tahu barulah dapat menerangkan apakah itu nilai Islam yang boleh diterapkan dalam kehidupan dan pentadbiran negara ini.

Apabila diadakan pilihanraya maka di saat inilah berlakunya perpecahan antara rakyat. Mereka keluarlah muka-muka naga dan muka-muka singa untuk meniup dan membakar isu perkauman. Begitu juga di masa pilihanraya timbul juga kopiah-kopiah putih macam cendawan keluar pagi dengan kopiah dan serban meleret masuk kampung, ayat-ayat Al-Quran dan suara Allahu-Akbar macam seolah-olah akan berlaku satu sabil. Apa yang berlaku ini seolah-olah negara kita ini huru-hara ataupun seolah-olah negara kita ini baru hendak masuk Islam yang memberi ucapan berapi-api seolah-olah dia sahaja orang Islam, orang lain tidak. Inilah perkara yang berlaku apabila dekat dengan pilihanraya, tidak lain dan tidak bukan adalah kerana masing-masing hendak menang, hendak rebut kerusi kerana hendak mengisi perut kosong, itu sahaja. Jadi, kalau hendak menang janganlah sampai kita jualkan agama dengan harga yang murah. Juga kalau hendak menang janganlah kita sanggup melihat rakyat ini berpecah. Oleh itu saya meminta supaya Kerajaan mengharam dan tidak membenarkan langsung serta mengenakan hukuman yang berat mana-mana pemimpin yang menggunakan isu perkauman dan juga isu Islam sebagai alat politik untuk memancing undi semasa pilihanraya kerana kedua-dua perkara ini merupakan racun yang amat bisa bagi memecahkan perpaduan rakyat dan

menjahanamkan kehidupan harmoni rakyat negara ini. Kerana Tuan Pengerusi, pemimpin seperti ini mempunyai banyak unsur-unsur kepentingan diri daripada kepentingan rakyat dan negara. Mereka ini sanggup melihat biar rakyat berpecah, biar rakyat hidup dalam kesesatan asalkan cita-citanya sampai untuk menang kerusi dalam pilihanraya. Inilah perjuangan yang sia-sia dan perjuangan yang dikutuk oleh Allah swt.

Tuan Pengerusi, DAP sebenarnya parti perkauman yang memecah-belahkan perpaduan orang-orang Cina dan juga orang-orang India. Perjuangannya merupakan perjuangan semangat dan membakar jiwa untuk penentangan yang tidak memberi apa-apa untung dan faedah kepada kita semua. Sebaliknya akan menjadikan kita di dalam keadaan tegang dan kita berada dalam curiga-mencurigai dan kita dalam prejudice di antara satu sama lain yang merupakan gejala yang akan membawa perpecahan dan perbalahan antara kaum. Apabila keadaan ini berlaku huru-hara menjadi-jadi, harta-benda hancur, nyawa terkorban mungkin DAP akan bertepuk tangan. Ketika ini mereka akan sekali lagi menangguk di air keruh. Mereka tidak dapat menafikan kerana sejarah hitam Tanahair kita telah berlaku dengan sebab mereka ini. DAP tidak dapat berbuat apa-apa. Selain daripada menyalak bukit meminta orang lain buat tetapi diri DAP sendiri tidak dapat menjaga dirinya. Ini ialah merupakan sebuah parti. Kalau sebuah negara, sudah tentu akan hancur dan tidak mempunyai apa-apa faedah kalau sekiranya DAP ini mendapat tempat dalam negara ini.

DAP selama ini menang dalam pilihanraya ialah di tempat-tempat yang majoriti Cina. Perpaduan orang-orang Cina pecah sebab mereka kerana

isu perkauman dibesar-besarkan tetapi orang Cina patut sedar dan percayalah bahawa DAP tidak dapat berbuat apa-apa dan tidak boleh menguntungkan rakyat kerana perjuangan mereka ikut jalan yang songsang, jalan yang ekstrimis tanpa melihat kepada kepentingan kaum-kaum lain. Mereka tidak akan berjaya tetapi mereka akan menerima akibat sebaliknya dengan cara yang mereka jalankan itu dan dengan cara memecahkan perpaduan kita. Dan mereka merupakan parti yang tidak rugi apa-apa kalau sekiranya berlaku sesuatu di dalam negara ini. Mereka tidak akan bertanggungjawab dan mencari jalan mengatasi sebagaimana kita Barisan Nasional lakukan untuk kepentingan rakyat. Sebab itulah Barisan Nasional menang kerusi lebih banyak daripada DAP dalam Dewan ini.

Tuan Pengerusi, saya suka hendak mengesyorkan di dalam butiran Bekalan 7, Lembaga Urusan dan Tabung Haji, muka surat 73, Program (10). Urusan Lembaga Urusan dan Tabung Haji ini sama ada tujuan yang diberinya itu tercapai atau tidak kita tidak perlu bincangkan. Cuma apa yang kita harapkan bahawa tujuannya itu akan mencapai tujuannya. Cuma saya meminta kepada perhatian daripada Lembaga Urusan dan Tabung Haji supaya benar-benar menjalankan tugasnya semasa orang-orang haji ini berada di Madinah dan juga berada di Mekah. Terutama saya tumpukan di Madinah, yang kita pergi ke Mekah kita diserahkan bulat-bulat kepada Sheikh Haji, kalau Sheikh Haji itu baik, baiklah kita, kalau Sheikh Haji itu tidak baik, tidak baiklah kita, sampaikan satu bilik itu 15 orang, kadang-kadang setahu saya bahawa selama sebulan orang-orang haji ini duduk di Mekah dia tidak dapat sempurna tidur kerana tempatnya terlampau sempit dan kemudahan bilik yang disediakan tidak memuaskan, ini tidak mengapa. Tetapi malangnya bagi kita bahawa kalau sekiranya kita

hendak cari keselesaan sedikit duit kita telah pun dibayar, pasport kita apabila turun sahaja di Jeddah kita terpaksa serah pasport kita itu kepada Sheikh Haji.

Jadi apabila kita serahkan kepadanya, dia bubuh di mana pun kita kena ikut. Apabila kita hendak keluar daripada dia, hendak duduk di hotel atau hendak duduk di mana kita mesti bayar. Kalau kita patut bayar R.400, R.400 kita bayar dia dahulu, baharu kita boleh lari daripadanya, seolah-olah kita telah terjat.

Sepatutnya selepas turun itu, biar orang itu bawa pasportnya masing-masing yang hendak pasport tetapi pasport itu tidak diberi, kalau tidak bayar wang itu kepada Sheikh Haji tadi semasa di Madinah. Dan kalau duduk jauh, jauhlah duduk. Apabila kita jumpa orang Tabung Haji, orang Tabung Haji ajar pula, kena lawanlah, dia suruh kita lawan Sheikh Haji. Dia cakap Arab, kita cakap Melayu, kita maki dia, dia tidak tahu apa-apa. Akhirnya tidak bayar duit R.200kah, R.300kah, R.400kah, kita tidak akan dapat pasport balik walaupun kita hendak duduk di tempat yang lebih baik misalnya. Jadi supaya ada peraturan bahawa mana yang hendak masuk Sheikh Haji, masukkan Sheikh tidak perlu kita mesti bayar. Jadi bayar tempat tinggal selama 10 hari di Madinah itu selalunya diwajibkan bayar, dia kena bayar walaupun dia tidak duduk, hendak duduk di lain tempat, jadi ini akan membebaskan kepada bakal Haji. Kalau di Mekah, saya tidak dengar cerita. Ini saya dengar di Madinah, kerana di Mekah mungkin tempat itu lama sedikit dan juga tempat itu dekat-dekat.

Yang kedua, apabila saya dengar orang pergi ke Mekah ini, buah tamar dan air zam-zam mesti bawa balik, Tuan Pengerusi. Jadi, inilah yang memberatkan kapal terbang, sampai 20/30 kilo seorang bawa balik buah

tamar dan air zam-zam itu sampai lengoh tangan kerana hendak bawa yang lain.

Saya mencadangkan kepada Tabung Haji, bukan suruh berniaga. Semasa mula-mula pergi ke Mekah dia bawa jemaah haji ini pergi bawa orang, balik kosong dan masa balik kosong itu dia bawa balik air zam-zam, bubuh dalam tong, balik sini kita bayar perkhidmatan \$10.00 se tong kerana kalau kita duduk di sana kita beli tong R10 juga, kena tipu orang Arab lagi, dan juga kita berat lagi bawa. Mereka bawa balik air zam-zam ini dengan tong, jadi pergi kosong, balik berisi dan apabila balik esok, siapa hendak bayar \$10.00 satu tong berikan perkhidmatan. Beli buah tamar banyak-banyak. Jangan beli buah tamar harga 30 sen sakati. Beli buah tamar yang baik, simpan di sini, balik kita jual di sini pula.

Begitu juga ketayap. Kerana ketayap di negeri Arab datangnya daripada Taiwan, daripada negeri China dan Korea; payung begitu juga. Bawa balik payung Mekah, bila cucu buka tengok-tengok cap Korea. Jadi, benda-benda ini bukan kita hendak kata apa-apa, cuma kita minta keperluan yang boleh memberatkan macam buah tamar dengan air zam-zam. Ini bukan satu jalan perniagaan tetapi beri perkhidmatan. Masa kapal terbang pergi bawa bakal haji, balik kosong, masa itu bawa balik air zam-zam dan buah tamar, beri perkhidmatan supaya tidak banyak jemaah haji berat membawa balik benda-benda itu. Bawa balik buah tamar jenis yang baik, jangan beli yang biasa buat buka puasa yang mutunya rendah, belilah jenis yang baik. Ini satu jalan perkhidmatan yang boleh kita memaksa supaya orang Tabung Haji jangan beli banyak-banyak, tetapi janganlah tipu ambil air di muka kuala pula, Tuan Pengerusi. Nanti cari tong ambil air di muka kuala, taruh banyak-banyak, kata inilah air zam-zam.

Jadi, apa yang saya syorkan ini supaya benda ini boleh menyenangkan bakal-bakal haji, tidaklah bawa air sini, bawa sini, belakang lagi sampai tidak dapat bawa apa-apa, akhirnya balik sampai di rumah demam seminggu kerana bawa balik air zam-zam. Jadi, kalau perkhidmatan ini diadakan sama ada mencari untung sedikit kerana di sana pun kita beli, kita bayar duit. Kadang-kadang kalau kita duduk jauh kita beri orang Arab itu R.5.00 pergi ambil air zam-zam di telaga itu dan bawa ke hotel atau bawa balik ke tempat duduk R5.00 bayar kepada orang Arab itu, itu murah tetapi R10.00 pun ada. Dia tidak mengerti bahasa Arab, pakai tangan sahaja. Inilah banyak yang berlaku kepada orang kita tetapi kalau ini diberi perkhidmatan walaupun dia kata \$20.00 satu tong pun, saya rasa tiba di Kuala Lumpur ini orang akan bayar. Ini satu cara untuk meringankan orang-orang haji dan bakal-bakal haji dan tidak memberatkan kapal terbang masa balik esok. Ini sebagai satu perkhidmatan yang saya rasa boleh Tabung Haji lakukan dan tidak menyusahkan. Dan ini untuk menyenangkan kepada bakal haji yang hendak pergi ke Mekah kerana mereka yang pergi ke Mekah sudah tentulah air zam-zam, buah tamar mesti ada supaya sah pergi ke Mekah dan beri tahu kepada orang yang mereka itu pergi ke Mekah mesti ada dua perkara ini. Sebab itulah saya minta perkara ini dijalankan.

Jadi, itulah sahaja dan saya sudah dengan ucapan terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Jerai.

6.28 ptg.

Tuan Ismail bin Arshad (Jerai): Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh di bawah Bekalan 14, muka surat 114 di bawah Butiran (Kod) 1100 dan Aktiviti 3—Penyiasatan.

Tuan Pengerusi, di dalam ucapan dasar Belanjawan yang lalu saya telah menyentuh sedikit mengenai tentang strategi Belanjawan di mana kebanyakan peruntukan-peruntukan dipotong memandangkan kedudukan keadaan ekonomi dan kemelesetan ekonomi. Saya juga telah menyarankan bahawa di dalam pemotongan peruntukan-peruntukan haruslah diberi penilaian terhadap kepentingan-kepentingan untuk mencapai matlamat dan prestasi sebenarnya di bawah sesuatu peruntukan itu sendiri.

Di bawah Bekalan 14 Badan Pencegah Rasuah dan di bawah Aktiviti 3 yang saya katakan ini apa yang saya rasa amat dukacita, dengan adanya peruntukan yang dipotong pada tahun ini akan berlaku kekurangan pegawai walaupun kekurangan ini daripada 1,110 kepada

1,109 hanya kekurangan seseorang tetapi jelas bahawa kemungkinan besar yang prestasi dan aktiviti yang dapat dijalankan juga akan menimbulkan masalah. Ini apa yang dapat kita lihat daripada tanggungjawab yang terpaksa dilaksanakan daripada laporan-laporan, daripada kes penyiasatan yang sedang ada dan terbukti pada tahun 1982 sahaja maklumat yang dikendalikan 10,983, sampul kecil yang dibuka 2,043, kes penyiasatan dibuka hanya 2,596 kes.

Tuan Pengerusi: Masa sudah cukup.

Malis Mesyuarat bersidang semula.

Tuan Yang Dipertua: Mesyuarat ditangguhkan hingga jam 2.30 petang hari esok, 10hb November, 1983.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.